



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PROJEK EKSPERIMEN SIMULASI SINOGRAFI BERJUDUL BERINGIN

MUHAMMAD NAZRUR DINI BIN ROSLAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**FORMULASI PROJEK EKSPERIMEN SIMULASI SINOGRAFI
BERJUDUL BERINGIN**

MUHAMMAD NAZRUR DINI BIN ROSLAN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENGAJIAN PERSEMBAHAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1



Sila tanda (v)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input checked="" type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada ...5...(hari bulan).....8..... (bulan) 20 25

i. Perakuan pelajar :

Saya, MUHAMMAD NAZRUR DINI BIN ROSLAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PROJEK EKSPERIMEN SIMULASI SINOGRAFI BERJUDUL BERINGIN

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, LENA FARIDA FANTY HUSSAIN CHIN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PROJEK EKSPERIMEN SIMULASI SINOGRAFI BERJUDUL BERINGIN

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENGAJIAN PERSEMBAHAN (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

5/8/2025

Tarikh

PROF MADIN...
Tandatangan Penyelia
35900 Tanjung Malim, Perak



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: PROJEK EKSPERIMEN SIMULASI
SINOGRAFI BERJUOL BERINGIN

No. Matrik / Matric's No.: M20221001446

Saya / I: MUHAMMAD NAZRUB DINI BIN ROSLAN
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS


(Tandatangan Pelajar/ Signature)


(Tandatangan Penyelia/ Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi/ Name & Official Stamp)


Tarikh: 5/8/2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas limpahan nikmat, ilmu, kesabaran, dan ketabahan yang diberikan. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat, serta seluruh umat Islam.

Alhamdulillah, dengan izin dan rahmat-Nya, disertasi ini akhirnya berjaya disempurnakan seperti yang dituntut. Di sepanjang perjalanan ini, berdirilah seorang insan yang begitu besar jasanya — penyelia saya, Prof. Madya Dr. Lena Farida binti Hussain Chin. Tidak ternilai bimbingan, nasihat, dorongan, dan tunjuk ajar yang beliau telah berikan tanpa jemu sepanjang proses pengajian. Kepimpinan dan dedikasi beliau menjadi sumber kekuatan utama dalam menempuh cabaran ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan kasih sayang buat ibu dan ayah tercinta, Roslan Chin dan Rozaimah Bashah, yang tidak pernah berhenti berkorban, memberi sokongan, semangat, serta mencurahkan masa dan tenaga demi kejayaan anakanda. Buat kakak-kakak tersayang, Nurul Najwa dan Nazratul Najihah, serta abang yang dikasihi, Zamri Zaidi — terima kasih atas kata-kata semangat, doa, dan dorongan yang tidak pernah putus. Sokongan kalian amat bermakna dan menjadi kekuatan saya sepanjang perjalanan ini.

Tidak dilupakan sahabat-sahabat seperjuangan yang sentiasa ada dalam suka dan duka. Penghargaan khusus buat Ebby Endriana Ellyn, Azman Masri, Nor Nabilatul Nisya, Alif Shahidan, Hisyamudin Baki dan Usha Naantine atas bantuan dan sokongan padu dalam menyiapkan penulisan dan projek simulasi ini.

Setulusnya juga, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada seluruh warga Fakulti Muzik dan Seni Persembahan serta semua pihak yang terlibat, secara langsung mahupun tidak langsung, dalam penulisan, pengkajian, pendokumentasian, projek akhir, dan keseluruhan perjalanan Sarjana Pengajian Persembahan ini. Semoga segala kebaikan yang telah kalian huluskan dibalas oleh Allah SWT dengan keberkatan rezeki, kesihatan yang berpanjangan, dan rahmat yang berterusan. Aamiin Ya Rabbal 'Alamin.





ABSTRAK

Projek berasaskan kajian ini bertujuan untuk mereka bentuk empat buah eksperimen simulasi sinografi yang diinspirasi daripada elemen mitologi klasik iaitu tanah, air, api dan angin. Empat buah eksperimen simulasi ini dikenali sebagai *Samudra*, *Vayu*, *Agni* dan *Bhumi*. Berasaskan elemen ini, projek ini akan dihasilkan secara eksperimen dengan menggabungkan teknologi dan kreativiti pentas dalam penghasilan sinografi teater. Terdapat tiga objektif pelaksanaan projek ini (i) meneroka penggunaan bahan dan teknologi untuk menghasilkan simulasi baharu latar pentas, (ii) menghasilkan rekaan siri variasi simulasi sinografi berasaskan secara *mockup*, (iii) menjalankan eksperimentasi simulasi rekaan secara pameran. Kajian ini menggunakan metodologi *Practice Based Research* (PBR) sebagai asas. PBR dalam sinografi merupakan metodologi pengkajian yang berasaskan proses sebagai cara untuk menjana pengetahuan dan pemahaman baharu daripada inspirasi yang dipilih. Hasil projek simulasi sinografi ini dijangka mampu mengembangkan variasi rekaan artistik teater di Malaysia yang berdaya *immersive* dan kontemporari dengan kos yang lebih jimat dan murah. Antara implikasi projek ini adalah untuk menyumbangkan himpunan kajian yang berkaitan dengan bidang sinografi dengan harapan dapat menyumbang kepada metode penghasilan sinografi sebagai usaha mengembangkan landskap sinografi teater amatour di Malaysia secara khususnya.





SCENOGRAPHY SIMULATION EXPERIMENTAL PROJECT TITLE BERINGIN

ABSTRACT

The goal of this research-based project is to create four scenographic simulation experiments that are modeled after the elements of earth, water, fire, and wind that found in classical mythology. These six simulation experiments are known as *Samudra*, *Vayu*, *Agni* and *Bhumi*. Based on these components, an experimental theatrical scenography performance will be made for this project by fusing technology and stage creativity. This project will be implemented with three goals in mind (i) creating a new stage setting simulation by experimenting with materials and technology, (ii) creating a series of variations for the scenography simulation based on mock-ups and (iii) conducting design simulation experiments as an exhibition. The Practice Based Research (PBR) approach serves as the foundation for this study. PBR is a process-based research methodology used in scenography to produce new insights and information based on specific inspiration. It is anticipated that the outcome of this scenography simulation project will be able to create a range of immersive, modern theater artistic designs in Malaysia at a more affordable and low cost. One of the project's implications is to include a compilation of research pertaining to the subject of scenography with the aim of improving scenography production techniques in an endeavor to advance the state of amateur theater scenography in Malaysia specifically.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Inspirasi/Motivasi	2
1.3 Matlamat Penciptaan	19
1.4 Objektif Penciptaan	19
1.5 Kontekstualisasi Topik	20
1.5.1 Projek	21
1.5.2 Sinografi	22
1.5.3 Simulasi	24

1.5.4	Melayu Klasik/Pohon Beringin	28
1.5.5	Samudra, Vayu, Agni dan Bhumi: Asal Usul dan Makna dalam Kosmologi Klasik India	31
1.5.6	Hologram/Holografi	34
1.5.7	Practice Baced Research (PBR)	35
1.6	Imaginasi dan Idea Penciptaan	37

BAB 2 KAJIAN LITERATUR DAN KAJIAN KARYA KREATIF

2.1	Kajian Literatur	39
2.2	Kajian Karya Kreatif	48
2.3	Keaslian Penciptaan	53
2.4	Rumusan	55

BAB 3 KONSEP PENCIPTAAN

3.1.1	Inspirasi Dari Filem, Video, Teater, Dokumentari Dan Seni Instalasi Ke Pada Projek Simulasi Sinografi	57
3.1.2	Empat Buah Eksperimen Simulasi Sinografi Mengangkat Empat Elemen Iaitu Air, Api, Angin Dan Tanah	58
3.2	Landasan Teori Penciptaan	62
3.2.1	Practice Based Research oleh (Harper & Kroll, 2007)	62
3.2.2	Kosmologi	71

BAB 4 PROSES PENCIPTAAN KARYA KREATIF

4.1	Kaedah Pengumpulan Maklumat Penciptaan	77
4.1.1	Bahan Bertulis, Teater, Seni Instalasi Dan Video/Filem	77
4.2	Pendekatan Penciptaan	84
4.2.1	Mengkaji Proses Pembuatan	84
4.2.2	Meneliti Bahan Yang Diguna Pakai	85
4.2.3	Mencipta Idea Melalui Lakaran dan <i>Sketchup</i>	86
4.2.4	Proses Pembuatan dan Aplikasi	87

4.2.5 Hasil Pembuatan	88
4.3 Proses Penciptaan Karya Kreatif	89
4.3.1 <i>Samudra</i> (Elemen Air)	90
4.3.2 <i>Vayu</i> (Elemen Angin)	100
4.3.3 <i>Bhumi</i> (Elemen Tanah)	108
4.3.4 <i>Agni</i> (Elemen Api)	116
4.3.5 Proses Pembinaan	126

BAB 5 DESKRIPSI KARYA KREATIF

5.1 Pembentukan Karya	156
5.1.1 Kajian Awal	158
5.1.2 Perkembangan Idea	162
5.1.3 Rakaman Simulasi	167
5.2 Struktur Karya	168
5.2.1 Elemen Karya Kreatif Berdasarkan Elemen Kosmologi	168
5.2.2 Konsep dan Idea	170
5.2.3 Struktur Simulasi Sinografi Berdasarkan Practice Based Research (PBR) menurut Harper & Kroll (2007)	170
5.2.3.1 Amalan Reka Bentuk (Design Practice)	171
5.2.3.2 Kajian Reka Bentuk (Design Study)	173
5.2.3.3 Penerokaan Reka Bentuk (Design Exploration)	176
5.2.4 Persembahan Simulasi	179
5.2.5 Kesimpulan	179
5.3 Program Persembahan	180

BAB 6 REFLEKSI DAN RUMUSAN

6.1 Refleksi Terhadap Proses Penciptaan	181
---	-----

6.2 Rumusan Keseluruhan Kajian	183
RUJUKAN	184
LAMPIRAN	195

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Perbezaan Filem, Persembahan Teater, Seni Instalasi Dengan Projek Simulasi Sinografi	53
3.1	Empat Projek Simulasi Yang Akan Di Hasilkan	59
3.2	Penerangan Empat Projek Simulasi Yang Akan Di Hasilkan	60
4.1	Bahan Yang Di Guna Pakai Dan Harga Barang Tersebut	93
4.2	Harga Bahan atau Barang Bagi Sistem Kesan Khas Hujan Pengkaji	97
4.3	Harga Barang bagi Creating A Fire Tornado Factomania Earth Science (youtube.com, n.d.-a) Bahan yang Telah Digunakan	102
4.4	Harga Barang bagi How To Make A Fire Tornado Come To Life (youtube.com, n.d.-b) Bahan yang Telah Digunakan	102
4.5	Harga Barang bagi Menghasilkan Vayu (Elemen Angin)	106
4.6	Harga bagi Sebuah Cermin Berukuran Empat Kaki x Enam Kaki	116
4.7	Jumlah Pengeluaran bagi Dua Buah Filem	119
4.8	Harga Barang bagi Bahan Pembuatan Agni (Elemen Api)	124

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Adegan di mana watak utama membiarkan dirinya dibasahi oleh air hujan	6
1.2	Teater Singing In The Rain yang telah di pentaskan pada 2017	6
1.3	Pementasan Singing In The Rain yang telah berlaku di White County High School pada tahun 2023	7
1.4	Adegan-adegan yang berlaku dalam Filem Volcano 1997	8
1.5	Antara adegan yang telah berlaku di Dalam Filem The Lord of the Rings: The Return of the King 2003	10
1.6	Rajah lava dan letusan lava di pelbagai sisi yang telah diambil oleh Kilauea Volcano Eruption	11
1.7	Rajah yang telah di ambil melalui dokumentari The Power of Vocanoes di mana pengaliran lava sedang terjadi	12
1.8	Rajah lava yang sedang mengelegak dan ketika lava di dalam proses pengerasan	12
1.9	Rajah ketika sistem hologram sedang di pancarkan di atas pentas dan bagaimanakah proses peletakan projector dan screen di lakukan	13
1.10	Visual digital daripada persembahan Yeroheen yang menggambarkan ruang, kosmos dan unsur mitologi	14

1.11	Persembahan hologram oleh Circus Roncalli yang menampilkan gajah, jerung, penari, badut dan raja dalam bentuk digital	14
1.12	Karya instalasi Yayoi Kusama yang menampilkan cermin, lampu, objek polka dot dan ilusi ruang infiniti	16
1.13	Visual persembahan Muzikal Frozen menampilkan reka bentuk mapping di atas pentas bertema salji dan transformasi karakter Elsa	18
1.14	Babak Muzikal Rapunzel yang menggunakan projection mapping untuk mencipta latar digital dan suasana dramatik	18
1.15	Konsep asas dalam penghasilan karya	37
2.1	Paparan babak Muzikal Frozen dan Rapunzel serta efek kabus melalui smoke machine untuk mencipta suasana dramatik dan imersif di atas pentas	49
2.2	Babak Muzikal Disney dengan penggunaan harnesses untuk aksi terbang dan pergerakan akrobatik di pentas	50
2.3	Lakaran sinografi oleh Edward Gordon Craig yang menampilkan bentuk geometri, ruang dramatik dan penggunaan cahaya untuk mencipta suasana simbolik dan ekspresif di pentas	52
3.1	Ukuran bagi setiap empat buah mockup dan rajah ini merupakan hasil rekaan oleh pengkaji	59
3.2	Pendekatan penciptaan: struktur Practice-Based Research (PBR)	68
3.3	Evolusi struktur PBR secara linear dan terperinci	69
3.4	Struktur PBR secara kitaran dan interaktif	70



- 4.1 Sistem pembuatan hujan di atas pentas yang telah di hasilkan oleh orang barat 78
- 4.2 Persembahan teater kontemporari dengan susun atur minimalis dan penggunaan cermin dua hala untuk mencipta ilusi ruang serta interaksi watak yang berlapis 80
- 4.3 Lakaran sistem hujan yang telah di hasilkan oleh pengkaji 95
- 4.4 Sketchup sistem teknologi samudra yang di perlihatkan empat unit HC-SR04 ultrasonic sensor dan sudut pandang yang berbeza 99
- 4.5 Memaparkan dua buah pembuatan puting beliung yang sama iaitu menggunakan elemen api dan kipas angin. 101
- 4.6 Lakaran sistem kesan khas puting beliung yang telah di hasilkan oleh pengkaji 104
- 4.7 Sketchup sistem teknologi vaju yang telah di hasilkan oleh pengkaji 107
- 4.8 Lakaran kesan khas bhumi yang telah di hasilkan oleh pengkaji 111
- 4.9 Sketchup sistem teknologi bhumi yang telah di hasilkan oleh pengkaji 114
- 4.10 Lakaran kesan khas agni yang telah di hasilkan oleh pengkaji 120
- 4.11 Sketchup sistem teknologi agni yang telah di hasilkan oleh pengkaji 125
- 4.12 Membuat mockup menggunakan playwood 127
- 4.13 Sistem pendawaian suis kawalan menggunakan bekalan kuasa 5V DC 128



4.14	Sistem pendawaian suis kawalan menggunakan bekalan kuasa 12V DC	131
4.15	Proses menyabungkan wayar dan programming untuk sistem Samudra	134
4.16	Beberapa gambar proses pembuatan Samudra	136
4.17	Hasil akhir bagi pembuatan mockup Samudra	137
4.18	Proses pembuatan Vayu	141
4.19	Hasil akhir bagi pembuatan mockup Vayu	142
4.20	Proses pembuatan Bhumi	145
4.21	Hasil akhir bagi pembuatan mockup Bhumi	146
4.22	Proses pemotongan styrofoam	149
4.23	Meletakan lampu LED ke dalam paip PVC yang telah di longkangkan	150
4.24	Proses penyapuan simen dan mengecat	151
4.25	Proses penggunaan resin epoxy dan pengeras (hardener)	153
4.26	Hasil akhir bagi pembuatan mockup Agni	154
5.1	Idea asal sistem Bhumi (tanah)	164
5.2	Penciptaan baru bagi sistem Bhumi (tanah)	165

SENARAI SINGKATAN

AC	<i>Alternating Current</i>
CO ₂	<i>Carbon Dioxide</i>
cm	<i>Centimeter</i>
CNAA	<i>Council For National Academic Awards</i>
DC	<i>Direct Current</i>
DBP	Dewan Bahasa Dan Pustaka
Phd	<i>Doctor Of Philosophy</i>
DOC	<i>Drainage, Oil, And Condensate</i>
FLO	<i>Flow</i>
Hz	<i>Hertz</i>
HKD	<i>Hong Kong Dollar</i>
kW	<i>Kilowatt</i>
LED	<i>Light Emitting Diode</i>
mm	<i>Millimeter</i>
PC	<i>Personel Computer</i>
PP	<i>Polypropylene</i>
PVC	<i>Polyvinyl Chloride</i>
PBR	<i>Practice Based Research</i>
PLC	<i>Programmable Logic Controller</i>
RM	Ringgit Malaysia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvii

3D	Tiga Dimensi
UK	<i>United Kingdom</i>
USD	<i>United States Dollar</i>
UTS	<i>Universiti Teknologi, Sydney</i>
V	<i>Volt</i>
Y	<i>Y-Connector</i>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

- A Proses Pembuatan *Agni* (Elemen Api)
- B Proses Pembuatan *Samudra* (Elemen Air)
- C Proses Pembuatan *Vayu* (Elemen Angin)
- D Proses Pembuatan Bhuni (Elemen Tanah)
- E Poster Projek Eksperimentasi Simulasi Sinografi Bertajuk Beringin
- F Gambar Semasa Hari Simulasi





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pengenalan



Perkataan sinografi sering kali dihubungkan dengan istilah yang menerangkan aspek visual, konsep dan organisasi persembahan khususnya *mise-en-scène*, reka bentuk teater dan dramaturgi visual. Ia juga merangkumi pembinaan latar hias, penataan cahaya, bunyi, kostum, pembentukan watak dan pemandangan keseluruhan persembahan serta prop. Elemen tersebut berkait rapat dengan skrip, ruang, tempat persembahan, dan juga penonton. Sinografi bukan sahaja mempamerkan imej rekaan namun, ia perlu melibatkan penonton dalam sesuatu persembahan yang memerlukan pengalaman intelektual, emosi dan rasional. Rekaan sinografi akan memberi informasi secara visual sebagai pengalaman teaterikal melalui komunikasi kepada penonton. Maka projek memfokuskan terhadap sinografi iaitu latar pentas dan akan menjadi satu projek simulasi sinografi. Sinografi bergantung pada model fizikal, lakaran, dan





rancangan terperinci untuk menyampaikan visi sesuatu visi. Walau bagaimanapun, peningkatan alat digital telah membuka pintu untuk pendekatan baharu dan menuju ke arah yang lebih moden.

Projek simulasi sinografi melibatkan penciptaan model tiga dimensi reka bentuk set iaitu *mockup*. Kelebihan adalah untuk memanipulasi reka bentuk yang ditetapkan secara langsung membolehkan penerokaan idea dan pelarasan yang berbeza dengan lebih pantas. Pengkaji boleh bereksperimen dengan pelbagai susun atur, palet warna dan konfigurasi pencahayaan sebelum melakukan pembinaan fizikal. Ini berpotensi menjimatkan masa dan kos pengeluaran. Simulasi sinografi ini boleh membantu mengenal pasti masalah yang berpotensi dengan reka bentuk yang ditetapkan sejak awal. Sebagai contoh, perisian mungkin mendedahkan isu garis pandang atau potensi bahaya keselamatan sebelum pembinaan fizikal bermula, membolehkan pelarasan dan penjimatan kos.



1.2 Inspirasi/Motivasi

Proses interpretasi merupakan proses dinamik, perjalanan mendedahkan makna daripada pelbagai sumber, termasuk teks, karya seni, peristiwa bersejarah dan juga pengalaman harian.

Pada dasarnya, interpretasi ialah proses aktif yang memerlukan kita melibatkan diri dengan subjek dan membina makna. Interpretasi bukan sekadar menerima maklumat secara pasif, ia mengenai analisis, refleksi, dan sintesis. Proses interpretasi boleh dipecahkan kepada beberapa langkah utama. Antaranya melibatkan pemeriksaan





dengan teliti sesuatu bahan atau subjek. Ini boleh melibatkan daripada segi pembacaan teks, melihat lukisan, melihat video rakaman atau memerhati tapak bersejarah. Proses tafsiran ialah penerokaan makna yang berterusan dan melengkapinya dengan alat untuk menganalisis, mengkonseptualisasikan dan akhirnya mencipta pemahaman.

Oleh itu, pengkaji ingin membuat pemindahan maklumat daripada pelbagai bentuk bertulis, gambar, video, dan lisan ke dalam pembuatan simulasi sinografi. Perpaduan artistik yang diperlukan dalam adegan pementasan teater dicipta oleh perkataan sinografi, yang terdiri daripada pelbagai elemen visual. Ia juga merujuk kepada teknologi latar, atau teknologi penghasilan adegan atau babak, yang berkaitan dengan fabrik dan operasi. Contohnya, pengendalian latar pentas termasuk cara membina dan memasang latar, melukis dan mengecat latar, membuat prop dan sehingga mencapai kesan yang menakutkan. Di samping itu, istilah sinografi ialah leksikon visual bagi pembuatan teater (Cooke, 2008). Teater berkembang pesat dalam interaksi penglihatan, bunyi dan pergerakan. Tetapi dalam pengalaman deria ini, sinografi berkuasa sebagai leksikon visual yang membentuk dan menyampaikan naratif. Seperti bahasa dengan perbendaharaan kata dan tatabahasanya, sinografi menggunakan koleksi elemen visual untuk bercerita, membangkitkan emosi dan mengangkat penonton ke dunia lain. Sinografi lebih daripada sekadar hiasan, ia ialah bahasa visual pembuatan teater. Dengan memahami dan menghargai leksikon visual ini, penonton mendapat pemahaman yang lebih mendalam tentang cerita, watak dan visi keseluruhan produksi. Melalui sinografi, pentas menjadi kanvas di mana cerita bukan sahaja diceritakan, tetapi dihidupkan dengan jelas. Selain itu, menurut (Irwin, 2006)

“Scenography considers the multiple ways that performance space generates meanings” (Irwin, 2006)





Bayangkan melangkah ke teater yang mempunyai dinding putih yang terang daripada set minimalis membangkitkan rasa terasing. Atau mungkin, warna terang dan alat peraga yang hebat membawa ke alam lain. Inilah kuasa sinografi, amalan teater yang melampaui visual. Ia menjadi jurubahasa, menterjemahkan ruang kosong dan ruang persembahan ke dalam bahasa yang penuh dengan makna. Pengkaji telah meneliti bahan-bahan daripada sumber rujukan buku dan internet berkaitan sinografi di Malaysia, terlihat yang muncul kebanyakannya dari luar negara. Bukan di Malaysia tidak mempunyai karya sinografi yang baik tetapi, penulisan atau sumber rujukan lokal berkaitan sinografi sangat sedikit. Tambahan pula, daripada segi latar pentas amat sedikit bahan rujukannya.

Berdasarkan pembacaan yang telah pengkaji buat, pengkaji termotivasi untuk membuat penulisan yang lebih teliti berkaitan simulasi sinografi yang berfokuskan kepada sinografi iaitu teknik latar pentas yang ada atau dapat di perbaharui. Pengkaji sangat terinspirasi dari pada penghasilan teknologi pentas yang telah di perlihatkan dalam pementasan teater di barat. Selain itu, pengkaji juga terinspirasi daripada latar pentas yang telah di pertontonkan dalam filem-filem barat.

Antara teater yang pengkaji tertarik dalam aspek sinografinya ialah teater *Singin' in the Rain*. Pada mulanya *Singin' in the Rain* ini dimainkan melalui filem, kemudian dari pada filem cerita ini menarik minat banyak pengarah teater lalu kemudian dipentaskan. Sinopsis pendek *Singin' in the Rain* (1952) ialah sebuah muzikal klasik *Hollywood* yang merakam peralihan filem senyap kepada filem bersuara. Don Lockwood, bintang filem senyap dan rakan kongsi di skrinnya iaitu Lina Lamont, dipuja oleh penonton. Walau bagaimanapun, suara Lina ialah parut dan tidak sesuai untuk teknologi bunyi baharu. Kemudian di latik Kathy Selden, seorang pelakon muda





berbakat dengan suara nyanyian yang indah. Kathy diam-diam mengalih suara vokal Lina, manakala percintaan yang mekar tercetus antara dia dan Don.

Komplikasi timbul apabila Don bergelut dengan persepsi orang ramai tentang hubungannya di skrin dengan Lina dan perasaannya yang semakin meningkat terhadap Kathy. Filem ini secara lucu menyindir hari-hari awal rakaman bunyi, dengan adegan yang mempamerkan gangguan teknikal dan perebutan industri untuk menyesuaikan diri. Melalui dialog yang cerdas, nombor muzik yang menarik dan urutan tarian ikonik seperti persembahan Gene Kelly yang dibasahi hujan, *Singin' in the Rain* meraikan kuasa muzik dan ketabahan dalam landskap *Hollywood* yang berubah dengan pantas.

Sumber rujukan pengkaji adalah melalui *youtube* iaitu *Singing in the Rain 2016* dapat dilihat pada minit ke satu jam lapan minit 14saat sehingga satu jam 11minit 48saat di mana adegan air hujan di persembahkan. Pada adegan ini teknologi pentas yang diguna pakai di atas pentas ialah air hujan dan persembahan itu berlangsung selama satu jam 42minit 52saat. Selain pada itu, pengkaji juga melihat beberapa rujukan di *youtube* antaranya *Singing in the Rain 2011* yang telah berlangsung di *Salfor, Manchester*. Di mana persembahan ini hanya di pentaskan pada bahagian adegan atau babak hujan sahaja. Seterusnya, pementasan teater *Singin' in the Rain* yang terbaru pada 2023 iaitu di *White County High School* (*50 White County High School - Singin' in the Rain (2023) - YouTube, n.d.*). Di sini teknologi hujan yang di pertontonkan di dalam video ini pada minit ke satu jam 21minit 17saat sehingga satu jam 25minit dan persembahan itu berlangsung selama dua jam 12minit 22saat. Di sini pengkaji terinspirasi pada adegan yang menunjukkan teknologi pentas yang diguna pakai iaitu air dan dibawa ke pentas persembahan secara langsung. Di bawah ini ialah gambar-gambar persembahan yang telah di pentaskan hasil rujukan daripada *youtube*.





Rajah 1.1

Adegan di mana watak utama membiarkan dirinya dibasahi oleh air hujan



Sumber di peroleh dari (Jonathan Church's, 2011)



Rajah 1.2



Teater Singing In The Rain yang terlah di pentaskan pada 2017



Sumber di peroleh dari (J.J. Pearce's, 2017)



Rajah 1.3

Pementasan Singing In The Rain yang telah berlaku di White County High School pada tahun 2023



Sumber diperoleh dari (White County High School, n.d.)

Selain daripada air, pengkaji juga melihat sinografi dalam kesan khas iaitu penciptaan api. Pengkaji terinspirasi melalui filem dan juga dokumentari yang telah pengkaji lihat melalui *youtube*. Pengkaji amat terinspirasi dari pada latar tempat gunung berapi di mana terdapat banyak kesan percikan api dan mengalirnya lahar di celah-celah rekahan batu dan tanah. Antara sumber rujukan pengkaji adalah dari dua buah filem iaitu *Volcano* (1997) dan *The Lord of the Rings: The Return of the King* (2003). Sedikit sinopsis cerita bagi *Volcano* (1997) ialah sebuah filem bencana yang menjerumuskan *Los Angeles* ke dalam huru-hara yang, kisah ini bermula dengan satu siri peristiwa yang kelihatan tidak berkaitan antaranya gegaran aneh, peningkatan suhu air, dan pertemuan mayat yang maut akibat haba bawah tanah. Mike Roark, ketua pejabat pengurusan kecemasan bandar itu, diminta untuk menyiasat bersama ahli geologi Dr. Amy Barnes.

Semasa mereka menyelidiki lebih dalam, mereka menemukan kebenaran yang menakutkan iaitu gunung berapi terbentuk di bawah bandar yang sibuk itu. Pada mulanya mereka agak keraguan, tetapi keadaan mula menjadi panik apabila gunung berapi itu meletup dan memuntahkan lava cair sehingga mengakibatkan hujan serpihan api. Konflik berlaku apabila Roark dan Barnes mendapati diri mereka didorong ke

dalam misi menyelamatkan, mereka terpaksa mengharungi jalan-jalan berbahaya. Mereka bukan sahaja harus menyelamatkan diri dan orang tersayang tetapi juga mencari jalan untuk mengalihkan aliran lava dan mencegah kemusnahan selanjutnya. Filem ini menggambarkan perjuangan rakyat biasa yang terperangkap dalam malapetaka dan kepahlawanan yang dipaparkan dalam menghadapi kemusnahan yang amat besar.

Antara adegan sinografi yang menjadi inspirasi pengkaji adalah pada minit 39minit 51saat sehingga 42minit 59saat, filem tersebut berdurasi selama satu jam 43minit 51saat. Di bawah ini dapat dilihat gambar-gambar yang telah diambil oleh pengkaji dalam filem *Volcano* dan akan menjadi inspirasi pengkaji dalam penghasilan simulasi sinografi.

Rajah 1.4

Adegan-adegan yang berlaku dalam Filem Volcano 1997



Sumber di perolehi dari (*Volcano 1997*, n.d.)



Seterusnya filem yang menjadi inspirasi pengkaji dalam melihat sinografi yang berunsur api adalah *The Lord of the Rings: The Return of the King (2003)*. Filem ini telah di tayangkan pada 22 September 2022 dan telah terkenal dengan dunia visual yang menakjubkan, dihidupkan melalui kerja luar biasa pasukan reka bentuk pengeluaran. Malahan produksi ini telah memenangi *Oscar Winning Set Decorator 2004*, Trilogi *The Lord of the Rings (2001-2003)* (*Dan Hennah: Oscar-Winning Art Director of Lord of the Rings, n.d.*).

Sinopsis ringkas bagi filem ini adalah mengisahkan tentang trilogi fantasi Peter Jackson yang menemui Frodo Baggins iaitu pembawa cincin *hobbit* yang hampir terjerumus ke penghujung pencarian berbahaya. Dibeberi oleh pengaruh merosakkan *One Ring*, Frodo dan teman setianya Samwise Gamgee mengembara jauh ke dalam hati Mordor bertujuan untuk memusnahkan cincin dalam kebakaran gunung berapi Doom.



Sementara itu, pertempuran terdesak untuk nasib *Middle-earth* berlaku. Gandalf the White mengumpulkan rakyat bebas Gondor dan Rohan untuk mempertahankan kota Minas Tirith yang terkepung menentang tentera Sauron yang besar. Aragorn, pewaris takhta Gondor, menerima takdirnya dan menyatukan kuasa kebaikan dalam pendirian terakhir menentang kegelapan yang menceroboh daerah mereka.

Filem ini dengan mahir menggambarkan perjuangan dalam dua bidang iaitu pertempuran dalaman Frodo menentang kuasa cincin dan perang luar untuk kelangsungan hidup *Middle-earth*. Ketika Frodo berputus asa, rakan-rakannya bergelut dengan cabaran mereka sendiri. Aragorn mesti membuktikan kepimpinannya, Gandalf mengilhamkan harapan di tengah-tengah kemusnahan, dan hobbit seperti Merry dan Pippin mendapat keberanian yang tidak dijangka.






Akhirnya, melalui pengorbanan, kesetiaan, dan kerlipan harapan, Frodo berjaya memusnahkan cincin, mengalahkan Sauron dan membawa keamanan ke tanah yang musnah. Filem ini diakhiri dengan perpisahan pahit manis apabila para wira pulang ke tanah air, selamanya ditandai dengan perjalanan mereka yang luar biasa.

Filem ini mengambil masa selama empat jam 23minit sembilan saat, dan adegan sinografi yang menjadi inspirasi kepada pengkaji adalah pada minit tiga jam 27minit lima saat sehingga tiga jam 40minit 13saat. Di bawah ini ialah sumber yang menjadi meneliti pengkaji dalam aspek sinografinya, dapat dilihat pada gambar di bawah ini.

Rajah 1.5

Antara adegan yang telah berlaku di Dalam Filem The Lord of the Rings: The Return of the King 2003



Sumber di perolehi dari (*Yesmovies / Watch The Lord of the Rings: The Return of the King (2003) Online Free on Yesmovies, n.d.*)

Selain dari filem pengkaji juga meneliti dari sumber dokumentari yang telah di tayangkan di dalam *youtube*. Antara tajuk dokumentari yang telah pengkaji meneliti adalah *Kilauea Volcano Eruption / A Perfect Planet / BBC Earth* berdurasi dua minit 28saat, *Volcano! (Documentari) National Geographic* berdurasi 53minit 38saat, *Volcano: The Power of Sleeping Giant / Documentary / Ep. 1* berdurasi 52minit 38saat dan *Volcano: In the Shade of Burning Mountains / Documentary / Ep. 2* berdurasi 52minit tujuh saat. Dapat dilihat dari gambar-gambar di bawah hasil pemandangan atau *scene* yang telah pengkaji ambil sebagai sumber inspirasi untuk pengkaji.

Rajah 1.6


Rajah lava dan letusan lava di pelbagai sisi yang telah diambil oleh Kilauea Volcano Eruption



Sumber rujukan dari (*Kilauea Volcano Eruption / A Perfect Planet / BBC Earth - YouTube, n.d.*)

Rajah 1.7

Rajah yang telah di ambil melalui dokumentari *The Power of Volcanoes* di mana pengaliran lava sedang terjadi



Sumber rujukan dari (Documentary: *The Power of Volcanoes*, n.d.)

Rajah 1.8

Rajah lava yang sedang mengelegak dan ketika lava di dalam proses pengerasan




Sumber rujukan dari (*Volcano: In the Shade of Burning Mountains*, n.d.)

Pengkaji juga terinspirasi dari segi sinografi berunsurkan teknologi yang di gunakan di dalam pementasan iaitu hologram. Menurut (*Hologram Noun - Definition, Pictures, Pronunciation and Usage Notes | Oxford Advanced Learner's Dictionary at OxfordLearnersDictionaries.Com*, n.d.) hologram adalah sejenis imej khas yang kelihatan seperti tiga dimensi iaitu pepejal dan bukannya rata, terutamanya imej yang dicipta menggunakan laser. Antara rujukan yang telah pengkaji meneliti atau menjadi sumber inspirasi pada pengkaji di dalam melihat dari aspek hologram adalah melalui *youtube* yang berjudul *Here's How Holograms On Stage Can Look So Real 2017*, *NOVA Multimedia Show | Yeroheen Show Production | Hologram projection act 2019* dan *Holographic Animals at Circus Roncalli – Holograms Replace Live Animals in a German Circus 2019*. Di bawah ini, pengkaji telah memaparkan gambar-gambar yang menunjukkan sinografi dalam penggunaan hologram, dan telah menjadi inspirasi kepada pengkaji untuk menjayakan simulasi sinografi ini.

Rajah 1.9

Rajah ketika sistem hologram sedang di pancarkan di atas pentas dan bagaimana proses peletakan projector dan screen di lakukan




Sumber rujukan daripada (*How Holograms On Stage*, n.d.)



Rajah 1.10

Visual digital daripada persembahan Yeroheen yang menggambarkan ruang, kosmos dan unsur mitologi



Sumber rujukan daripada *Yerheen* oleh Dancing Digital (*Multimedia Show - NOVA - Yeroheen Multimedia - YouTube, n.d.*)



Rajah 1.11

Persembahan hologram oleh Circus Roncalli yang menampilkan gajah, jerung, penari, badut dan raja dalam bentuk digital





Sumber rujukan daripada DW Documentary *This Circus Has No Animals* (*Holographic Animals at Circus Roncalli - Holograms Replace Live Animals in a German Circus - YouTube*, n.d.).

Selain dari filem dan teater pengkaji juga melihat kepada instalasi seni cermin yang di gunapakai dan kualiti pemantulannya, membawa konotasi simbolik yang tidak terhitung banyaknya. Oleh itu, seni cermin boleh menggambarkan pelbagai bentuk. Seseengah artis memilih untuk membina seni cermin dengan memaksa penonton untuk menghadapi diri dan kewujudan tubuh mereka dengan mencerminkan penonton yang melihat seni artis-artis tersebut. Sementara itu, yang lain memilih untuk meneroka kuasa cermin dengan memesongkan dan mengelirukan persepsi spatial melalui sedikit variasi pada permukaan medium. Tidak kisah apa pun tujuan seni cermin itu dicipta, penggunaan cermin dalam seni kontemporari memanfaatkan keajaiban refleksi untuk mencipta naratif yang sentiasa berkembang mahupun tentang diri ataupun pemahaman kita tentang dunia di sekeliling.

Artis Jepun Yayoi Kusama telah bereksperimen selama beberapa dekad dengan pelbagai medium dan cara ekspresi artistik. Dia terkenal dengan reka bentuk bilik cermin yang mengagumkan dan tidak terhingga mempunyai pengalaman dalam lukisan, kolaj, arca dan seni persembahan. Sejak 1965, siri *Infinity Rooms* nya, iaitu dinding bercermin yang memberikan kesan dimensi yang kelihatan tidak berkesudahan, telah menarik perhatian penontonnya. Sepanjang sepuluh tahun, Kusama telah mengusahakan pelbagai lelaran bilik ini, mengisinya dengan candelier klasik, labu

bersaiz besar, lampu gantung halus dan fabrik bertitik polka. Daripada kotak kecil beralas cermin "peep show-esque" hingga ke bilik penuh dengan air, dia telah mencipta lebih dua puluh jenis ini sejak 1965. Dia pandai menggunakan cermin untuk menipu mata dan mewujudkan suasana yang diinginkan oleh peminatnya (Kusama, 2021). Di bawah ini adalah karya-karya yang telah di hasilakan oleh Yayoi Kusama.

Rajah 1.12

Karya instalasi Yayoi Kusama yang menampilkan cermin, lampu, objek polka dot dan ilusi ruang infiniti



Sumber rujukan daripada instalasi Infinity Mirror Rooms dan Dots Obsession oleh Yayoi Kusama (*Mirror Room Interactive Art Installations by Yayoi Kusama*, n.d.)

Sinografi di dalam teknologi pentas iaitu *Projection mapping installation* melibatkan penggunaan projektor untuk memancarkan cahaya dan imej ke permukaan,



dengan berkesan mencipta ilusi bahawa permukaan itu sendiri memaparkan visual. Walau bagaimanapun, pemasangan pemetaan unjuran melangkaui unjuran mudah. Pemasangan ini melibatkan pemetaan dengan teliti visual yang diunjurkan pada kontur dan dimensi khusus permukaan yang dipilih, sama ada fasad bangunan, arca, atau malah landskap semula jadi seperti muka tebing. Pemetaan yang teliti ini membolehkan penyepaduan visual yang lancar dengan struktur sedia ada, mewujudkan rasa kedalaman dan dimensi yang melampaui skrin rata.

Projection mapping installation mempunyai kuasa untuk memikat penonton dengan kebolehan transformatif mereka. Bayangkan bangunan bersejarah menjadi hidup dengan adegan animasi yang menggambarkan masa lalunya atau kiub putih ringkas berubah menjadi makhluk yang hebat melalui keajaiban tekstur yang diunjurkan. Pemasangan ini mewujudkan rasa hairan dan tontonan, mengaburkan garis antara realiti dan ilusi.

Tambahan pula, *projection mapping installation* boleh menjadi sangat interaktif, dimana visual yang diunjurkan bertindak balas kepada pergerakan atau sentuhan. Interaktiviti ini menyelami lagi penonton dalam pengalaman, menjadikan mereka berasa seperti peserta aktif dan bukannya pemerhati pasif. Antara teater yang telah menggunakan sinografi di dalam aspek teknologi *projection mapping installation* menjadi sumber inspirasi pengkaji adalah dalam pementasan *Frozen, A Musical Spectacular 2020* dan *Tangled: The Musical* sumber daripada *youtube*. Di bawah ini ialah gambar-gambar yang menunjukkan penggunaan *projection mapping* sedang di pertontonkan.



Rajah 1.13


Visual persembahan Muzikal Frozen menampilkan reka bentuk mapping di atas pentas bertema salji dan transformasi karakter Elsa



Sumber rujukan daripada *Frozen the Musical, Disney on Broadway (Disney Cruise Line's 'Frozen, A Musical Spectacular' | #DisneyMagicMoments - YouTube, n.d.)*.

Rajah 1.14

Babak Muzikal Rapunzel yang menggunakan projection mapping untuk mencipta latar digital dan suasana dramatik



Sumber rujukan daripada *Tangled: The Musical, Disney Cruise Line (Virtual Viewing: Disney Cruise Line's "Tangled: The Musical" | #DisneyMagicMoments - YouTube, n.d.)*



1.3 Matlamat Penciptaan

Matlamat pengkaji dalam penulisan ini adalah bertujuan untuk menciptakan sebuah simulasi sinografi yang berfokuskan kepada dua unsur utama iaitu spesial efek di dalam aspek sinografi iaitu latar pentas dan penghasilan latar pentas yang menggunakan barangan atau bahan yang lebih murah dan lebih praktikal untuk di guna pakai dalam menghasilkan sesuatu latar pentas. Merujuk kepada penjelasan ini, pengkaji telah mengembangkan idea di dalam simulasi sinografi.

- i) Menyesuaikan tajuk beringin dalam penghasilan simulasi sinografi dengan menggunakan unsur elemen air, api dan angin.
- ii) Mengaplikasikan prinsip dan elemen seni dalam unsur yang difokuskan bertujuan untuk memperjelaskan secara teliti tentang proses penciptaan.



Dengan menyatakan jenis sinografi yang disimulasikan dan hasil yang diinginkan, matlamat projek menjadi lebih jelas. Dengan reka bentuk set yang di simulasikan akan mempunyai matlamat yang berbeza daripada satu prototaip set untuk penerbitan teater langsung.

1.4 Objektif Penciptaan

Persoalan Kajian

- I. Bagaimanakah penggunaan bahan dan teknologi baharu boleh digunakan untuk menciptakan simulasi latar pentas?



- II. Bagaimanakah rekaan siri variasi simulasi sinografi akan di hasilkan?
- III. Bagaimanakah eksperimentasi simulasi rekaan dijalankan?

Objektif Penciptaan

Untuk membantu pengkaji dalam menjalankan projek simulasi sinografi, beberapa objektif telah ditetapkan. Berikut adalah matlamat projek simulasi sinografi:

- I. Meneroka penggunaan bahan dan teknologi untuk menghasilkan simulasi baharu latar pentas
- II. Menghasilkan rekaan siri variasi simulasi sinografi berasaskan secara *mockup*.
- III. Menjalankan eksperimentasi simulasi rekaan secara pameran.

Objektif penciptaan yang dinyatakan di atas akan membantu pengkaji mengekalkan tujuan asal penciptaan. Semasa proses pengkajian dilakukan melalui idea, lakaran dan pembinaan, setiap elemen yang dibangkitkan dalam objektif penciptaan dan persoalan kajian akan dijawab.

1.5 Kontekstualisasi Topik

Kontekstualisasi bertujuan merujuk kepada proses meletakkan topik, idea, peristiwa atau maklumat tertentu dalam konteks yang lebih luas. Konteks ini boleh merangkumi pelbagai aspek, bergantung kepada topik tertentu dan tujuannya. Oleh itu, simulasi sinografi disesuaikan dengan idea yang telah pengkaji lihat dalam teater, filem dan



instalasi seni yang telah di persembahkan untuk menjadikannya lebih selari. Penjanaan sinografi adalah penting untuk mencipta visual persembahan baharu yang lebih menarik agar dapat menarik perhatian penonton melalui apa yang di pertontonkan.

1.5.1 Projek

Definisi projek merujuk kepada perancangan bahagian hadapan dan reka bentuk konsep. (Ballard & Zabelle, 2000b) mendefinisikan definisi projek sebagai "fasa pertama dalam penyampaian projek yang terdiri daripada tiga modul: menentukan tujuan (keperluan dan nilai pihak berkepentingan), menterjemahkan tujuan tersebut ke dalam kriteria untuk reka bentuk produk dan proses, dan menjana konsep reka bentuk terhadap keperluan yang mana dan kriteria boleh diuji dan dibangunkan". Proses reka bentuk kolaboratif melalui spesifikasi kaedah pengumpulan data dan persidangan definisi projek (Ballard & Zabelle, 2000a). Proses ini menyokong pembuatan keputusan kumpulan, dan pembangunan produk yang membawa kepada pengeluaran dan penjajaran tujuan, kriteria dan konsep. Selain itu, menurut Elearn (2013) mentakrifkan definisi projek sebagai peringkat pertama dalam projek, di mana matlamatnya adalah untuk merangka spesifikasi yang menentukan saiz, skop dan kerumitannya. Projek mempunyai permulaan dan penghujung yang jelas.

Apabila matlamat dicapai, atau menjadi jelas ia tidak dapat dipenuhi, projek itu dianggap selesai. Projek bertujuan untuk menyampaikan produk, perkhidmatan atau hasil tertentu. Hasil ini boleh jadi apa sahaja daripada kertas pengkajian kepada reka bentuk produk baharu kepada program jangkauan komuniti. Projek mempunyai skop yang jelas yang menggariskan aktiviti, sumber dan jangka masa yang terlibat dalam





mencapai hasil yang diinginkan. Ini membantu memastikan fokus dan mengelakkan *creep* misi (menambah matlamat baharu yang meluaskan skop projek). Projek memerlukan peruntukan dan pengurusan sumber seperti masa, belanjawan, kakitangan dan peralatan untuk mencapai hasil yang diinginkan.

1.5.2 Sinografi

Perkataan sinografi sering dikaitkan dengan seni lukis dan lukisan perspektif kejuruteraan. Istilah ini menjadi popular pada tahun 1900-an apabila ia berkaitan dengan keupayaan ruang panggung untuk memberikan pengalaman baharu untuk persembahan. Gambaran ini berbeza dari abad sebelumnya kerana ia lebih menggambarkan adegan statik dalam lukisan latar penuh. Konsep sinografi pada ketika ini telah mula difahami oleh sebahagian besar seniman dunia, sangat berbeza dari sinografi pada zaman dahulu yang meletakkan bentuk dua dimensi, manakala sekarang lebih fokus pada sifat tiga dimensi ruang atau objek latar hias dan hubungannya hasilnya amat berkiat rapat dengan pelakon (Ribeiro, n.d.). Apabila tirai persembahan dibuka, kemahiran seorang sinografi diukur. Teater berkembang pesat dalam interaksi penglihatan, bunyi dan pergerakan. Tetapi antara unsur-unsur ini terdapat satu unsur yang sering diabaikan namun penting iaitu sinografi.

Sinografi bukan sekadar estetika semata, ia ialah bahasa pelbagai rupa yang menghidupkan pentas, mencipta naratif visual yang menyampaikan dengan banyak sebelum satu perkataan diucapkan. Pada dasarnya, sinografi merangkumi elemen visual yang membentuk dunia lakonan. Menurut Levine (2009) “sinografi ialah manifestasi fizikal ruang khayalan”, apa yang dapat difahami oleh kenyataan Levine teater





berkembang maju dengan keupayaan untuk membawa jiwa penonton ke tempat yang sukar di gambarkan, era sejarah, dan juga kedalaman emosi manusia. Walaupun skrip meletakkan asas tetapi sinografi yang menghidupkan ruang khayalan ini. Sinografi merangkumi semua elemen visual yang kita lihat di atas pentas - reka bentuk set, pencahayaan, pakaian dan prop.

Walau bagaimanapun, ia mengatasi hiasan semata-mata. Ia menjadi jurubahasa, menterjemahkan visi penulis drama tentang ruang khayalan kepada realiti fizikal yang ketara. Bayangkan skrip yang menggambarkan pasaran yang sibuk di bandar zaman pertengahan. Melalui sinografi ruang khayalan ini menjadi hidup. Keindahan sinografi terletak pada keupayaannya untuk memmanifestasikan secara fizikal inti pati ruang khayalan. Ini bukan tentang mencipta replika yang sempurna, tetapi lebih kepada menangkap suasana, mood dan semangat dunia penulis drama. Set minimalis yang terang dan bermandikan cahaya sejuk mungkin menimbulkan rasa terasing dalam distopia futuristik, manakala pentas yang melimpah dengan kehijauan yang subur dan flora yang meriah boleh membawa kita ke hutan ajaib.

Manifestasi fizikal ini bukan sekadar visual. Sinografi boleh melibatkan pelbagai deria. Dinding penjara bawah tanah yang bertekstur mungkin terasa sejuk apabila disentuh, manakala bau rumput yang baru dipotong dari lantai pentas boleh membawa kita ke pemandangan pastor. Butiran deria yang halus ini meningkatkan rendaman penonton dalam ruang khayalan. Begitu juga menurut Blumenfeld (2014), beliau berpendapat bahawa sinografi ialah (ruang/visual/aural) konspirasi di mana sinografi bertindak sebagai *secret agent*. Berbeza dengan pendapat Van Der Geest (2005) "*Scenography is an idea (rather than stuff to load in a truck), that is the source of more ideas (rather than to avoid those)*". Persekitaran fizikal pentas, merangkumi





segala-galanya daripada gaya seni bina kepada penempatan perabot dan prop. Reka bentuk set menetapkan lokasi dan tempoh masa, mewujudkan suasana, dan membimbing tumpuan penonton.

Dalam konteks persembahan teater, ia berskala besar dan melibatkan pelbagai unsur seni dalam pementasannya. Teater memerlukan perbelanjaan yang tinggi dan tenaga kerja yang ramai untuk memastikan keberkesanan persembahan. Namun, projek simulasi sinografi lebih kecil skopnya kerana hanya menumpukan pada satu unsur utama, iaitu sinografi. Oleh itu, kosnya lebih rendah dan tenaga kerja yang diperlukan juga lebih sedikit.

Sementara itu, seni instalasi juga berskala besar dengan kos pengeluaran yang tinggi serta memerlukan tenaga kerja yang ramai bagi merealisasikan konsep yang ingin disampaikan. Berbeza dengan itu, projek simulasi sinografi berskala lebih kecil, melibatkan kos yang lebih rendah, dan tidak memerlukan tenaga kerja yang ramai.

Secara keseluruhannya, projek simulasi sinografi menawarkan alternatif yang lebih ringkas dan kos efektif berbanding filem, teater, dan seni instalasi, menjadikannya pilihan yang lebih praktikal dalam konteks penggunaan sumber yang lebih terkawal.

2.4 Rumusan

Secara keseluruhannya, maklumat di atas memaparkan konsep dan perbezaan yang telah dibandingkan oleh pengkaji. Kajian ini berusaha untuk menyerlahkan konsep sinografi dalam projek simulasi sinografi. Daripada segi formalistik, data yang





dikemukakan menunjukkan beberapa elemen yang telah ditukar antaranya simulasi sinografi ini bersekala kecil, pengeluaran kos yang rendah dan tidak memerlukan tenaga kerja yang ramai. Dari semua maklumat di atas pengkaji mengharapkan dapat menjayakan projek simulasi sinografi ini mengikut susun atur yang telah di rancang.





BAB 3

KONSEP PENCIPTAAN

3.1 Konseptualisasi Idea Penciptaan



3.1.1 Inspirasi Dari Filem, Video, Teater, Dokumentari Dan Seni Instalasi Ke Pada Projek Simulasi Sinografi

Inspirasi dari filem, video, teater, dokumentari dan seni instalasi ke projek simulasi sinografi ini membawa erti bahawa simulasi sinografi yang dilakukan mengambil sumber inspirasi dari antara lima unsur sumber rujukan ini dan akan membuat empat buah *mockup* yang berlainan latar pentasnya. Hal ini bertujuan untuk membina empat buah *mockup* latar pentas dan ingin mendedahkan bahawa dengan menggunakan kos pembiayaan rendah juga kita dapat menghasilkan sinografi yang baik terutamanya di Malaysia. Pada sudut pandang yang lain, adalah bertujuan untuk menambahkan lebih banyak karya-karya sinografi yang baik dan bermutu tinggi dengan mengambil sumber inspirasi bukan sahaja daripada teater.





Proses PBR dilakukan adalah untuk mendapatkan pengetahuan baharu sebahagiannya melalui amalan dan hasil amalan tersebut. Hasil pemerhatian pengkaji di Malaysia terutama di Universiti Pendidikan Sultan Idris kebanyakan sinografi yang dipaparkan atau di pentaskan masih lagi di tahap yang amat. Konsep yang kerap kali diguna pakai ialah realisme, iaitu memaparkan set yang tidak mempunyai spesial *effect*. Hal ini demikian kerana kemudahan pentas yang sedia ada sangat terhad dan kekangan kewangan.

Pengkaji mengambil sumber dari luar negara adalah kerana teknologi dan juga pentas yang digunakan oleh mereka canggih. Seperti yang di ketahui, teater-teater di luar negara kebanyakannya memaparkan sinografi *immersive* dan kontemporari yang sangat gah pastinya menelan kos yang sangat tinggi. Tujuan projek ini adalah meneliti dan melihat proses penggunaan alatan dan bahan yang telah dipaparkan dalam filem, video, teater, dokumentari dan seni instalasi bagi menggantikan bahan-bahan tersebut dengan bahan yang lebih menjimatkan. Seperti yang telah diterangkan di dalam PBR hasil pemahaman penuh hanya boleh diperoleh dengan merujuk terus kepada hasil.


3.1.2 Empat Buah Eksperimen Simulasi Sinografi Mengangkat Empat Elemen Iaitu Air, Api, Angin Dan Tanah

Projek simulasi ini akan di persembahkan dalam empat buah bentuk *mockup* lalu dipamerkan. Ukuran besar *mockup* yang akan di hasilkan adalah berukuran lebar satu kaki, panjang berukuran dua kaki dan tinggi berukuran setengah kaki iaitu satu kaki. Contoh gambaran besar *mockup* tersebut adalah seperti gambar di bawah.



Rajah 3.1

Ukuran bagi setiap empat buah mockup dan rajah ini merupakan hasil rekaan oleh pengkaji



Jadual 3.1

Empat Projek Simulasi Yang Akan Di Hasilkan

No.	Elemen	Tajuk	Penerangan Inovasi
1)	Air	<i>Samudra</i>	Kesan khas hujan di ruang pentas melibatkan sistem penyaluran dan penyaliran putaran berkuasa rendah
2)	Angin	<i>Vayu</i>	Kesan khas melalui pengatur sirkulasi udara dengan gabungan bahan kimia <i>carbon dioxide</i> (CO ₂).
3)	Api	<i>Agni</i>	Kesan khas bahan kimia cecair <i>glycerol liquid</i> dan di gabungkan bersama lekapan cahaya yang menggunakan diod pemancar cahaya.
4)	Tanah	<i>Bhumi</i>	Kesan khas yang menggunakan sistem akrilik dua hala serta penggunaan diod pemancar cahaya.

**Jadual 3.2***Penerangan Empat Projek Simulasi Yang Akan Di Hasilkan*

No.	Tajuk	Perkara
1)	SAMUDRA (Elemen Air)	<p>Gambaran idea pengkaji adalah jika di atas pentas yang sebenar, pengkaji akan menggunakan paip <i>polyvinyl chloride</i> (PVC) untuk menyalurkan air. Selepas pada itu, pengkaji akan membuat penyambungan segi empat dan menggunakan penyambungan T di tengah segi empat tersebut, lalu diletakan di atas <i>bar lighting</i> untuk menyalurkan air dari atas dan akan keluar darinya.</p> <p>Untuk saluran air yang melimpah di bahagian bawah, pengkaji mempunyai beberapa idea antaranya, kita dapat membuat tapak bawah <i>stage</i> condong ke belakang agar air mengalir ke belakang. Idea yang kedua, membuat tadahan air pada tapak tengah dan membuat lurah di bahagian keliling pentas lalu menaikkan sedikit di keliling pentas agar air tidak akan terkeluar dari pada kawasan yang tidak mahu dikenakan air. Untuk idea yang ketiga, pada bahagian tapak letakan plastik terlebih dahulu kemudian selepas meletakkan plastik letakan tikar lantai bilik mandi agar air akan terus mengalir di celah-celahnya dan tapak akan sentiasa kering dan tidak basah.</p> <p>Seterusnya untuk pengeluaran air, pengkaji mempunyai dua idea iaitu pertama saluran air akan terus dikeluarkan. Untuk idea yang kedua, air yang telah jatuh itu akan di salurkan semula menjadi hujan dan aliran air tersebut akan berterusan.</p>
2)	VAYU (Elemen Angin)	<p>Dalam teater jarang penggunaan angin digunakan sebagai <i>special effect</i> untuk melengkapi sinografi. Tetapi dalam filem penggunaan angin terlalu banyak penggunaannya, antara bahan yang diguna pakai dalam filem untuk pembuatan angin adalah dengan penggunaan kipas angin. Kebanyakan <i>special effect</i> angin dalam filem, cara penggunaannya adalah dengan di halakan pada pelakon itu sendiri agar kelihatan rambut dan bajunya di tiup oleh angin.</p> <p>Pengkaji ingin membuat elemen angin dan dibawa ke pentas persembahan. Antara cara dan bahan yang akan digunakan oleh pengkaji dalam pembuatan <i>mockup</i> ini adalah dengan penggunaan kipas angin, tetapi penggunaannya di sini berbeza dengan filem. Untuk penggunaan angin di dalam simulasi sinografi ini, pengkaji akan cuba mencipta puting beliung. Bahan yang mungkin diguna pakai bersama kipas angin ialah asap atau pun ais kering. Ais kering tersebut akan dibiarkan tersebar di pentas lalu kipas angin kecil akan berada di atas <i>mockup</i> tersebut.</p>





No.	Tajuk	Perkara
3)	BHUMI (Elemen Tanah)	<p>Bagi penggunaan tanah pengkaji melihat kepada cermin. Di dalam instalasi seni yang pengkaji telah lihat, kebanyakan pengguna cermin ini memantulkan benda-benda bukan hidup. Ada juga instalasi seni yang hanya memantulkan orang tetapi hanya pada satu arah cermin sahaja.</p> <p>Pengkaji melihat tanah ini sebagai seorang manusia. Dalam ajaran atau agama Islam, diajarkan bahawa manusia itu diciptakan dari tanah lalu menjadi daging. Jadi pengkaji meletakkan tanah itu adalah sebagai seorang pelakon atau manusia itu sendiri.</p> <p>Pada bahagian ini, pengkaji akan memantulkan cermin pada seorang pelakon dan akan membuat pelakon itu dilihat dari berbagai-bagai sisi tubuh pelakon tersebut.</p>
4)	AGNI (Elemen Api)	<p>Pengkaji telah meneliti penggunaan api yang telah digunakan dalam filem luar negara iaitu <i>The Lord of the Rings: The Return of the King</i>, kebanyakannya pengguna api di filem ini menggunakan <i>editing</i>, <i>green screen</i> atau <i>blue screen</i>. Begitu juga dengan effect lava dalam filem tersebut, teknik yang digunakan adalah <i>editing</i>, <i>green screen</i> atau <i>blue screen</i>.</p> <p>Bagi elemen api ke biasanya panggung di Malaysia melarang keras untuk penggunaan api di pentas. Hal ini adalah di sebabkan faktor keselamatan orang awam, untuk mengelak berlakunya kecelakaan yang tidak diingini jadi penggunaan api tidak dibenarkan. Dengan masalah yang dihadapi ini pengkaji telah mendapat idea untuk membuat api tanpa menggunakan api. Idea pengkaji adalah untuk membuat sebuah alat yang menggunakan asap, lalu di gabungkan dengan pencahayaan. <i>Effect</i> dari pada asap itu akan kelihatan seperti api yang sedang menyala. Seterusnya, untuk pembuatan lava, pengkaji akan menggunakan lampu di bahagian bawah pentas dan akan dihias artistiknya menjadi kawasan gunung berapi. Selain pada itu, pengkaji juga akan menambahkan <i>special effect</i> percikan api. Antara bahan penciptaan percikan api ialah gabungan beberapa buah bahan iaitu <i>silicon dioxide</i>, <i>sulphur</i>, gelatin, <i>potassium dichromate</i>, <i>sodium alginate</i> dan <i>potassium chlorate</i>.</p>





3.2 Landasan Teori Penciptaan

3.2.1 Practice Based Research oleh (Harper & Kroll, 2007)

Practice based research ialah penyiasatan asal yang dijalankan untuk mendapatkan pengetahuan baharu sebahagiannya melalui amalan dan hasil amalan tersebut. Dalam tesis kedoktoran, tuntutan keaslian dan sumbangan kepada pengetahuan boleh ditunjukkan melalui hasil kreatif dalam bentuk reka bentuk, muzik, media digital, persembahan dan pameran. Walaupun kepentingan dan konteks tuntutan diterangkan dalam perkataan, pemahaman penuh hanya boleh diperoleh dengan merujuk terus kepada hasil.



Pengkajian yang mengambil sifat amalan sebagai fokus utamanya dipanggil *practice-based* atau. Ia dijalankan oleh pengamal, seperti artis, pereka bentuk, kurator, penulis, pemuzik, guru dan lain-lain, selalunya, tetapi tidak semestinya, dalam program pengkajian kedoktoran. Pengkajian seperti ini telah menimbulkan konsep dan kaedah baru dalam penjanaaan pengetahuan asli. Adalah penting untuk membuat perbezaan yang jelas antara pengkajian berasaskan amalan dan amalan tulen. Ramai pengamal akan mengatakan bahawa mereka melakukan 'pengkajian' sebagai sebahagian daripada amalan harian mereka. Seperti yang ditunjukkan oleh rekod pengamal kreatif yang diterbitkan, mencari pemahaman baharu dan mencari teknik baharu untuk merealisasikan idea adalah sebahagian besar daripada amalan harian. Walau bagaimanapun, pengkajian jenis ini, sebahagian besarnya, ditujukan kepada matlamat





tertentu individu pada masa itu dan bukannya menambah kepada simpanan pengetahuan kita dalam pengertian yang lebih umum.

Scrivener berhujah bahawa perbezaan kritikal ialah pengkajian berasaskan amalan bertujuan untuk menjana kebimbangan novel budaya yang bukan sekadar novel kepada pencipta atau pemerhati individu sesuatu artifak; dan perkara inilah yang membezakan pengkaji dengan pengamal (Scrivener, 2002). Satu lagi perbezaan penting antara pengkajian pengamal peribadi dan pengkajian berasaskan amalan kedoktoran ialah bentuk pengetahuan yang dihasilkan. Hasil pengkajian kedoktoran berasaskan amalan yang dikongsi dengan komuniti yang lebih luas timbul daripada proses berstruktur yang ditakrifkan dalam peraturan peperiksaan universiti. Untuk mencapai kemajuan dalam pengetahuan seperti yang dirujuk di atas, proses pengkajian harian yang lazim kepada amalan profesional perlu ditakrifkan dan dilaksanakan mengikut cara yang dipersetujui secara umum. Komponen pengkajian berasaskan amalan, dalam kebanyakan aspek, serupa dengan mana-mana definisi pengkajian, elemen utamanya ialah kebolehan pindahan pemahaman yang dicapai hasil daripada proses pengkajian.

Di UK, Lembaga Pengkajian Seni dan Kemanusiaan (AHRB, 2000) mentakrifkan pengkajian terutamanya daripada segi proses pengkajian dan bukannya output. Takrifan ini dibina berdasarkan tiga ciri utama mana-mana cadangan pengkajian kedoktoran:

1. Ia mesti mentakrifkan satu siri persoalan kajian atau masalah yang akan ditangani dalam perjalanan pengkajian. Ia juga mesti mentakrifkan objektifnya daripada segi usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan



kefahaman yang berkaitan dengan persoalan atau masalah yang perlu ditangani.

2. Ia mesti menyatakan konteks pengkajian untuk persoalan atau masalah yang ingin ditangani. Ia mesti menyatakan mengapa pentingnya soalan atau masalah tertentu ini harus ditangani, pengkajian lain yang sedang atau telah dijalankan dalam bidang ini dan apakah sumbangan tertentu yang akan dibuat oleh projek ini kepada kemajuan kreativiti, pandangan, pengetahuan dan pemahaman dalam bidang ini. kawasan.
3. Ia mesti menyatakan kaedah pengkajian untuk menangani dan menjawab persoalan atau masalah kajian. Semasa menjalankan projek pengkajian, cara untuk menjawab soalan, atau memajukan pengetahuan dan pemahaman yang ada tentang masalah mesti ditunjukkan. Ia juga harus menjelaskan rasional kaedah pengkajian yang dipilih dan mengapa kaedah pengkajian tersebut menyediakan cara yang paling sesuai untuk menjawab persoalan kajian.

Output kreatif boleh dihasilkan, atau amalan yang dijalankan, sebagai bahagian penting dalam proses pengkajian. Walau bagaimanapun, hasil amalan mesti disertakan dengan dokumentasi proses pengkajian, serta beberapa bentuk analisis teks atau penjelasan untuk menyokong kedudukannya dan untuk menunjukkan refleksi kritis. Tesis yang timbul daripada proses pengkajian berasaskan amalan, seperti yang diberikan di atas, dijangka menunjukkan bukti kesarjanaan asli dan mengandungi bahan yang boleh diterbitkan atau dipamerkan.



Practice Based Research

Pengkajian berasaskan amalan ialah penyiasatan asal yang dijalankan untuk mendapatkan pengetahuan baharu sebahagiannya melalui amalan dan hasil amalan tersebut. Tuntutan keaslian dan sumbangan kepada pengetahuan boleh ditunjukkan melalui hasil kreatif yang mungkin termasuk artifak seperti imej, muzik, reka bentuk, model, media digital atau hasil lain seperti persembahan dan pameran Walaupun kepentingan dan konteks tuntutan diterangkan dalam perkataan, pemahaman penuh hanya boleh diperoleh dengan merujuk terus kepada hasil tersebut. PhD berasaskan amalan boleh dibezakan daripada PhD konvensional kerana hasil kreatif daripada proses pengkajian mungkin dimasukkan dalam penyerahan untuk pemeriksaan dan tuntutan untuk sumbangan asal kepada bidang itu diadakan untuk ditunjukkan melalui karya kreatif asal.



Penyerahan kedoktoran berasaskan amalan mesti termasuk kontekstualisasi besar karya kreatif. Penilaian atau analisis kritikal ini bukan sahaja menjelaskan asas tuntutan untuk keaslian dan lokasi karya asal, ia juga menyediakan asas untuk pertimbangan sama ada keperluan ilmiah umum dipenuhi. Ini boleh ditakrifkan sebagai pertimbangan penyerahan sebagai sumbangan kepada pengetahuan dalam bidang, menunjukkan kuasa peringkat kedoktoran dalam analisis dan penguasaan pengetahuan kontekstual sedia ada, dalam bentuk yang boleh diakses dan boleh diaudit oleh rakan sebaya yang berpengetahuan.

Dalam penyelidikan berasaskan amalan PBR, pendekatan penciptaan menjadi asas penting dalam membina pengetahuan melalui proses kreatif dan refleksi. Pendekatan ini dibahagikan kepada tiga buah komponen utama, iaitu Kajian Reka





Bentuk (*Design Study*), Amalan Reka Bentuk (*Design Practice*), dan Penerokaan Reka Bentuk (*Design Exploration*). Ketiga-tiga elemen ini saling berkaitan dan membentuk kerangka struktur metodologi dalam projek penyelidikan seni berasaskan penciptaan.

Fasa pertama dikenali sebagai Kajian Reka Bentuk (*Design Study*), yang merujuk kepada aktiviti eksperimen praktikal sebagai landasan awal penciptaan. Pada peringkat ini, penekanan diberikan kepada percubaan inovatif dalam seni melalui pelbagai eksplorasi awal terhadap bentuk, medium, dan teknik. Eksperimen ini membantu pengkaji mengenal pasti kemungkinan dan keterbatasan dalam reka bentuk serta menyumbang kepada penemuan awal konsep artistik. Dalam konteks penyelidikan seni, aktiviti eksperimen membolehkan pencipta menyelidik dengan lebih mendalam tentang kemungkinan bentuk, fungsi, dan estetika karya mereka (Gray & Malins, 2016). Tambahan pula, interaksi langsung dengan bahan dan teknik pembuatan membolehkan pencipta memperoleh kefahaman yang lebih mendalam mengenai sifat bahan dan kemungkinan teknikal, sejajar dengan pandangan Barrett dan Bolt yang menegaskan bahawa proses sentuhan dan pembuatan ialah elemen penting dalam pemahaman artistik (Barrett & Bolt, 2014).

Seterusnya, Amalan Reka Bentuk (*Design Practice*) merupakan komponen utama dalam PBR yang merujuk kepada penghasilan karya sebagai sebahagian daripada proses penyelidikan. Dalam fasa ini, pendekatan kajian reka bentuk diaplikasikan secara aktif bagi menghasilkan karya seni yang bukan sahaja bersifat ekspresif, tetapi juga menyumbang kepada pengetahuan baharu. Dalam konteks penyelidikan berasaskan amalan, hasil seni itu sendiri boleh dianggap sebagai bentuk hujahan dan data, sekiranya ia menyampaikan maklumat yang boleh dibahaskan secara intelektual (Candy, 2006). Oleh itu, karya seni menjadi bentuk penyelidikan yang





berwibawa apabila ia dihasilkan melalui proses reflektif, sistematik dan disertakan dengan dokumentasi yang rapi.


Fasa terakhir dikenali sebagai Penerokaan Reka Bentuk (*Design Exploration*), iaitu proses meneroka secara lanjut terhadap pendekatan dan teknik pembuatan. Di peringkat ini, pengkaji menyesuaikan teknik pembuatan yang telah diuji dalam fasa sebelumnya dengan pendekatan baharu bagi menghasilkan hasil seni yang lebih kompleks dan reflektif. Pendekatan ini membantu pencipta mengenal pasti dimensi alternatif dan radikal dalam penghasilan karya melalui eksplorasi yang tidak terikat pada konvensi (Nelson, 2013). Dalam konteks ini juga, proses penyesuaian teknik yang dilakukan adalah penting bagi menyempurnakan hasil akhir penciptaan yang lebih matang. Penyesuaian teknik berfungsi sebagai refleksi kritikal terhadap proses pembuatan, sekali gus menghasilkan reka bentuk yang lebih kontekstual dan signifikan dalam disiplin seni (Smith, 2009).

Kesimpulannya, pendekatan penciptaan melalui struktur PBR bukan sekadar menghasilkan karya seni secara praktikal, malah menjadi wadah penting untuk menyumbang kepada perkembangan ilmu melalui pemikiran reflektif dan dokumentasi sistematik. Proses yang merangkumi kajian reka bentuk, amalan penciptaan, dan penerokaan reka bentuk ini membentuk satu ekosistem penyelidikan seni yang menyeluruh dan bermakna.



Rajah 3.2

Pendekatan penciptaan: struktur Practice-Based Research (PBR)




Rajah 3.2 memaparkan struktur pendekatan penciptaan berasaskan *Practice-Based Research* (PBR) yang dibahagikan kepada tiga komponen utama: Kajian Reka Bentuk (*Design Study*), Amalan Reka Bentuk (*Design Practice*), dan Penerokaan Reka Bentuk (*Design Exploration*). Setiap komponen ini mewakili fasa penting dalam proses penyelidikan berasaskan amalan yang bermatlamat menghasilkan pengetahuan baharu melalui aktiviti penciptaan.

Fasa pertama, Kajian Reka Bentuk, menekankan eksperimen praktikal yang menggunakan pendekatan inovatif dalam seni. Ia membabitkan interaksi langsung antara pencipta dan bahan untuk memahami sifat, fungsi dan potensi bahan tersebut dalam konteks reka bentuk (Gray & Malins, 2016). Fasa kedua, Amalan Reka Bentuk, merupakan penerapan pendekatan reka bentuk secara sistematik, yang merangkumi dokumentasi proses dan rasional artistik dalam penghasilan karya. Manakala fasa ketiga, Penerokaan Reka Bentuk, memberi penekanan kepada penyesuaian teknik,

refleksi terhadap penciptaan terdahulu dan penemuan kemungkinan baharu melalui eksplorasi berterusan (Candy, 2006). Secara keseluruhan, struktur ini menunjukkan proses progresif dan sistematik dalam penciptaan karya seni melalui penyelidikan berasaskan amalan.

Rajah 3.3

Evolusi struktur PBR secara linear dan terperinci




Rajah 3.3 memvisualkan perkembangan struktur PBR daripada bentuk asas kepada bentuk yang lebih terperinci. Rajah 3.2 masih menunjukkan urutan linear bermula dari Kajian Reka Bentuk kepada Amalan Reka Bentuk dan diakhiri dengan Penerokaan Reka Bentuk, namun rajah 3.3 menambahkan komponen pengumpulan data praktikal, seperti: meneliti bahan yang digunakan, mencipta idea dengan lakaran dan *sketchup*, serta proses pembuatan dan aplikasi.

Perkembangan ini mencerminkan pelanjutan terhadap struktur asas PBR dengan memasukkan elemen-elemen praktikal yang menjadi penggerak utama dalam penghasilan karya. Ia mengiktiraf bahawa proses penciptaan bukan sahaja melibatkan refleksi artistik tetapi juga penglibatan teknikal yang konkrit, seperti eksplorasi bahan dan pembangunan lakaran teknikal. Seperti yang dijelaskan, dalam penyelidikan berasaskan amalan, hubungan langsung antara pencipta dan proses pembuatan menjadi bukti empirikal kepada pengetahuan yang dihasilkan (Barrett & Bolt, 2014). Dengan itu, struktur terperinci ini menunjukkan kesinambungan yang lebih realistik dan kontekstual dalam menghasilkan karya berasaskan penyelidikan.

Rajah 3.4

Struktur PBR secara kitaran dan interaktif



Rajah 3.4 menggambarkan pendekatan PBR dalam bentuk kitaran reflektif, yang memperlihatkan sifat berulang dan saling berkait antara semua komponen proses penciptaan. Rajah ini membentuk lima komponen utama iaitu: Meneliti Bahan yang Digunakan, Mencipta Idea dengan Lakaran dan *sketchup*, Proses Pembuatan dan Aplikasi, Hasil Pembuatan, dan Mengkaji Proses Pembuatan. Kelima-lima komponen ini saling berhubung secara dinamik, bukan secara linear.

Model ini selari dengan gagasan Nelson yang menegaskan bahawa dalam *Practice-as-Research*, pengetahuan dihasilkan melalui tindakan reflektif yang berulang (Nelson, 2013). Kitaran ini juga memperlihatkan bagaimana proses pembuatan seni bukanlah satu arah, tetapi memerlukan maklum balas, percubaan semula dan penyesuaian teknik. Unsur tambahan seperti analisis material, rekonstruksi bahan, eksplorasi *mockup*, dan rujukan interdisiplin (filem, teater, seni instalasi) menunjukkan bahawa penyelidikan ini turut bergantung kepada pelbagai sumber pengetahuan dan pendekatan eksperimental.

Dengan struktur seperti ini, PBR menjadi lebih terbuka, fleksibel dan bersifat holistik, ia menekankan bahawa hasil bukanlah penamat, tetapi sebahagian daripada putaran reflektif yang membawa kepada penemuan seterusnya (Smith, 2009)

3.2.2 Kosmologi

Kosmologi ialah cabang sains yang berusaha memahami asal usul, struktur, dan evolusi alam semesta (Maity & Bakra, 2023). Para saintis dan pengkaji telah membangunkan pelbagai teori selama bertahun-tahun untuk menjelaskan misteri kosmologi. Salah satu



teori terawal tentang kosmologi bermula sejak zaman Yunani purba, di mana ahli falsafah percaya bahawa alam semesta terdiri daripada empat unsur asas - bumi, api, air, dan angin. Keempat-empat elemen ini dilihat sebagai bahan binaan semua jirim dan dipercayai mempunyai sifat dan ciri yang unik. Mengikut teori ini, unsur bumi dikaitkan dengan kestabilan dan kekukuhan. Ia dipercayai sebagai asas di mana segala-galanya wujud (Maity & Bakra, 2023). Elemen api mewakili tenaga dan transformasi. Ia dilihat sebagai satu kuasa yang boleh mencipta dan memusnahkan. Unsur air dikaitkan dengan kecairan dan perubahan. Ia dipercayai sebagai sumber kehidupan dan pertumbuhan. Elemen angin mewakili pergerakan dan perubahan. Ia dipercayai sebagai daya yang membawa gerakan dan memainkan peranan dalam membentuk alam semesta. Walaupun teori empat elemen menyediakan rangka kerja untuk memahami dunia semula jadi, ia akhirnya digantikan dengan teori dan model yang lebih halus dalam kosmologi.



Teori kosmologi meneroka prinsip asas yang mengawal struktur dan fungsi alam semesta. Dalam konteks persembahan dan melibatkan empat unsur bumi, air, api, dan angin, teori kosmologi menyediakan rangka kerja untuk memahami kepentingannya dalam pelbagai amalan dan persembahan budaya. Empat elemen ini telah dihormati dan disepadukan ke dalam ritual, tarian dan persembahan teater merentas tamadun yang berbeza sepanjang sejarah. Ia dilihat sebagai komponen penting dalam dunia semula jadi dan dipercayai mempunyai makna simbolik dan rohani.

Unsur bumi mewakili kestabilan dan pembumian, sering dikaitkan dengan kesuburan dan kelimpahan. Air melambangkan kecairan dan emosi, mewakili pemurnian dan transformasi. Api merangkumi tenaga, keghairahan dan transformasi,





selalunya mewakili kedua-dua kemusnahan dan penciptaan. Angin, sebaliknya, menandakan pergerakan dan perubahan, mewakili ketidakstabilan dan ketidakpastian kehidupan. Dalam persembahan, penggabungan empat elemen ini bukan sahaja cara untuk berhubung dengan alam semula jadi dan ketuhanan, tetapi juga cara untuk mewujudkan keharmonian estetik dan membangkitkan emosi yang kuat dalam penonton.

Melalui penyepaduan teliti bumi, air, api dan angin, penghibur dapat menyampaikan rasa keseimbangan dan perpaduan dalam ekspresi artistik mereka. Mereka boleh memanipulasi unsur fizikal, seperti menggunakan api untuk mencipta gerakan tarian yang memukau atau memasukkan air sebagai ritual pembersihan simbolik. Dengan melibatkan diri dengan empat elemen, penghibur memanfaatkan pemahaman kosmologi yang lebih mendalam dan menjemput penonton untuk mengalami hubungan dengan dunia semula jadi. Melalui prestasi dan penglibatan empat elemen, teori kosmologi menawarkan penerokaan mendalam tentang hubungkait antara manusia dan alam semesta. Ia menyerlahkan kepercayaan bahawa manusia, sebagai sebahagian daripada dunia semula jadi, dipengaruhi dan dihubungkan dengan kuasa bumi, air, api dan angin .

Tambahan pula, dengan menyelaraskan dengan elemen kosmologi, penghibur bukan sahaja meningkatkan ekspresi artistik mereka tetapi juga memanfaatkan kesedaran kolektif yang melangkaui sempadan individu dan menghubungkan mereka kepada sesuatu yang lebih besar daripada diri mereka sendiri. Pemahaman tentang kepentingan empat elemen dalam amalan dan persembahan budaya ini adalah penting untuk menghargai kesan mendalam yang mereka ada pada kedua-dua penghibur dan penonton. Memahami kesan mendalam daripada empat elemen dalam amalan dan





persembahan budaya adalah penting untuk menghargai kepentingannya dalam menghubungkan penghibur dan penonton kepada sesuatu yang lebih hebat daripada diri mereka sendiri.

Menggabungkan empat elemen dalam amalan dan persembahan budaya membolehkan hubungan yang lebih mendalam dengan alam semula jadi, ketuhanan, dan kesedaran kolektif. Ia menawarkan pengalaman transformatif yang melangkaui sempadan individu dan memupuk rasa perpaduan dan keharmonian. Menggabungkan empat elemen dalam amalan dan persembahan budaya membolehkan hubungan yang lebih mendalam dengan alam semula jadi, ketuhanan, dan kesedaran kolektif. Ia menawarkan pengalaman transformatif yang melangkaui sempadan individu dan memupuk rasa perpaduan dan keharmonian.



Melalui penyepaduan empat elemen, penghibur mempunyai keupayaan untuk membangkitkan emosi yang kuat dan menimbulkan pengalaman estetik yang mendalam dalam penonton mereka. Menggabungkan empat elemen dalam amalan dan persembahan budaya membolehkan hubungan yang lebih mendalam dengan alam semula jadi, ketuhanan, dan kesedaran kolektif. Ia menawarkan pengalaman transformatif yang melangkaui sempadan individu dan memupuk rasa perpaduan dan keharmonian. Melalui penyepaduan empat elemen, penghibur mempunyai keupayaan untuk membangkitkan emosi yang kuat dan menimbulkan pengalaman estetik yang mendalam dalam penonton mereka. Penyepaduan empat elemen dalam amalan dan persembahan budaya berfungsi sebagai peringatan tentang hubungan kita dengan alam semesta. Ia mengingatkan kita bahawa kita bukan individu terpencil, sebaliknya sebahagian daripada web kosmik yang lebih besar di mana setiap elemen memainkan peranan penting dalam kewujudan dan ekspresi kreatif kita.





Menggabungkan empat elemen dalam amalan dan persembahan budaya membolehkan individu bukan sahaja berhubung dengan diri dalaman mereka sendiri dan meluahkan emosi mereka, tetapi juga untuk berhubung dengan dunia di sekeliling mereka dan memanfaatkan kesedaran kolektif yang lebih besar. Penyepaduan empat elemen dalam amalan dan persembahan budaya berfungsi sebagai peringatan tentang hubungan kita dengan alam semesta. Ia mengingatkan kita bahawa kita bukan individu terpencil, sebaliknya sebahagian daripada web kosmik yang lebih besar di mana setiap elemen memainkan peranan penting dalam kewujudan dan ekspresi kreatif kita. Dengan mengiktiraf dan menghormati kepentingan empat elemen dalam amalan dan persembahan budaya, individu boleh memupuk pemahaman yang lebih mendalam tentang tempat mereka di dunia dan memupuk rasa perpaduan dan keharmonian yang lebih besar di antara mereka dan dengan alam semula jadi.



Empedokles merupakan antara tokoh awal falsafah Yunani yang mengemukakan teori kosmologi berasaskan empat elemen asas iaitu tanah, air, api dan udara. Dalam konteks kosmologi klasik, beliau menjelaskan bahawa segala benda dan fenomena di alam semesta terbentuk hasil gabungan dan perpecahan empat unsur ini. Empedokles turut memperkenalkan dua kuasa metafizik utama, iaitu Cinta (*Love*) yang menyatukan elemen, dan Persengketaan (*Strife*) yang memisahkannya. Proses interaksi antara elemen dan dua kuasa ini dianggap sebagai asas kepada struktur, transformasi, dan keseimbangan alam semesta. Pandangan ini menjadikan teorinya sebagai antara bentuk awal pemikiran kosmologi yang menggabungkan fizik dan metafizik (Long, 1974). Melalui perspektif ini, Empedokles meletakkan asas penting dalam memahami alam bukan hanya sebagai realiti fizikal, tetapi sebagai sistem dinamik yang dikawal oleh kekuatan dalaman dan prinsip harmoni.





Selain itu, Aristotle mengemukakan pandangan bahawa semua unsur di alam semesta terdiri daripada empat elemen asas, iaitu tanah, air, udara dan api. Setiap elemen ini mempunyai dua sifat semula jadi yang membentuk ciri khasnya: tanah bersifat sejuk dan kering, air sejuk dan lembap, udara panas dan lembap, manakala api panas dan kering. Dalam karyanya *Generation of Animals*, Aristotle mengaitkan sifat-sifat ini dengan tubuh badan dan kesihatan manusia. Sebagai contoh, beliau menyatakan bahawa tubuh manusia yang menua akan cenderung menjadi sejuk dan kering, justeru dikaitkan dengan elemen tanah, yang dianggap paling statik dan berat antara keempat-empat unsur. Pandangan ini menunjukkan bagaimana pemikiran kosmologi dan fisiologi saling berkait dalam falsafah klasik (James Loeb, 1949)



BAB 4

PROSES PENCIPTAAN KARYA KREATIF

4.1 Kaedah Pengumpulan Maklumat Penciptaan

Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan tentang kaedah pengumpulan maklumat penciptaan daripada pengkajian proses penelitian terhadap bahan bertulis, teater, seni instalasi dan video/filem sehingga hasil pembuatan *mockup*.

4.1.1 Bahan Bertulis, Teater, Seni Instalasi Dan Video/Filem

Mengkaji Proses Pembuatan

a) *Samudra* (Elemen Air)

Kajian awal ini bermula dengan pemerhatian terhadap teknologi yang digunakan dalam pementasan teater di Malaysia, dengan tumpuan khusus


kepada teknologi hujan atau kesan khas hujan di atas pentas. Teknologi ini dikenal pasti sebagai kompleks untuk dilaksanakan di Malaysia, terutamanya di peringkat universiti, kerana memerlukan reka bentuk dan pemasangan sistem kesan khas hujan yang melibatkan sistem penyaluran dan penyaliran putaran berkuasa rendah. Selain itu, kos yang tinggi juga menjadi faktor penghalang.

Oleh sebab kurangnya pementasan yang menggunakan kesan khas hujan di Malaysia dan kekurangan dokumentasi atau video rujukan, kajian ini juga merujuk kepada pementasan teater di luar negara. Pengkaji merujuk teater yang menggunakan sistem kesan khas hujan, antaranya ialah teater Singin' in the Rain. Teater ini kerap dimainkan, dan setiap kali pementasan Singin' in the Rain akan adanya kesan khas hujan yang akan dipertontonkan.

Pengkaji juga telah mendapat salah satu lakaran sistem kesan khas hujan yang telah di hasilkan pada tahun 2020.

Rajah 4.1

Sistem pembuatan hujan di atas pentas yang telah di hasilkan oleh orang barat



Sumber rujukan daripada (*Making It Rain on Stage / Ingenia, n.d.*).

b) Vayu (Elemen Angin)

Pengkaji telah membuat pencarian tentang produksi teater yang pernah melakukan sistem kesan khas puting beliung. Satu contoh yang ketara ialah muzikal *The Wiz*, adaptasi daripada *The Wonderful Wizard of Oz* karya L. Frank Baum. Dalam produksi ini, puting beliung yang mengangkut Dorothy ke Land of Oz diwakili melalui urutan tarian yang dikoreografikan. Penari merangkumi kekuatan ribut, berputar mengelilingi Dorothy untuk menggambarkan pergerakan dan keamatan puting beliung (Glover, 2019). Dapat dilihat bahawa, tidak ada teknologi yang dihasilkan kecuali, hanyalah penari yang membuatkan pergerakan seolah-olah satu bentuk puting beliung.


Begitu juga, pelbagai adaptasi peringkat *The Wizard of Oz* telah mencipta kaedah kreatif untuk menggambarkan adegan puting beliung yang ikonik. Satu pendekatan melibatkan penggunaan fabrik biru muda yang digantung dari tali, di manipulasi oleh pemain dalam sut morph yang sepadan untuk mencipta kesan puting beliung berputar. Walaupun contoh-contoh ini menyerlahkan produksi yang telah menggabungkan simulasi puting beliung, tidak ada maklumat yang tersedia yang menunjukkan bahawa teater di Malaysia telah menggunakan kesan khas yang serupa. Ini membuatkan pengkaji lebih tertarik untuk menghasilkan sistem kesan khas puting beliung oleh sebab tiada penemuan atau tiada lagi penghasilan sistem kesan khas puting beliung ini.

c) *Bhumi (Elemen Tanah)*

Penyepaduan cermin dan pencahayaan dalam produksi teater telah menjadi teknik lama untuk meningkatkan penceritaan visual dan mencipta kesan pentas yang menawan. Gabungan ini membolehkan pereka bentuk memanipulasi persepsi, mencipta ilusi dan menambah kedalaman pada persembahan. Satu pengeluaran antarabangsa terkenal yang menggunakan cermin dan pencahayaan ialah *Afterimage* oleh Yoko Seyama. Dalam persembahan ini, dua cermin pentas selari digunakan untuk melambangkan interaksi antara masa lalu dan sekarang. Dengan melaraskan pencahayaan dengan sewajarnya, penari yang diletakkan di hadapan dan di antara cermin ini kelihatan bergabung, menghasilkan kesan hantu dan halusinasi.

Rajah 4.2

Persembahan teater kontemporari dengan susun atur minimalis dan penggunaan cermin dua hala untuk mencipta ilusi ruang serta interaksi watak yang berlapis



Sumber rujukan daripada (*Afterimage* — Yoko Seyama, n.d.).

Antara seniman yang sering mengagunkan cermin dan lampu dalam penghasilan seni instalasi ialah Yayoi Kusama, ciri khas usaha Kusama ialah siri “Infinity Mirror Rooms” yang dimulakan olehnya pada tahun 1965 dengan “Infinity Mirror Room: Phalli's”. Seni instalasi ini menggunakan cermin untuk mencipta ilusi ruang yang tidak berkesudahan dan membolehkan penonton menjadi sebahagian daripada karya seni. Penggunaan cermin dan pencahayaan yang strategik dan unik mengubah ruang sehingga menjadi alam yang kelihatan tidak terbatas, persepsi yang mencabar tentang realiti dan diri.

Satu contoh yang ketara ialah Infinity Mirrored Room: The Souls of Millions of Light Years Away (2013), bertempat di muzium The Broad di Los Angeles. Pemasangan ini mempunyai bilik tertutup yang dipenuhi dengan cermin dan dipenuhi dengan lampu Light Emitting Diode LED yang berkelip-kelip dalam corak berirama, mewujudkan suasana cakerawala. Pengunjung memasuki bilik secara bersendirian atau berdua-duaan, mengalami rasa rendaman yang mendalam apabila pantulan mereka bergabung dengan lampu yang berkelilauan, membangkitkan perasaan berada di tengah-tengah galaksi (Kennell, 2019).

Satu lagi karya penting ialah Infinity Mirrored Room: Filled with the Brilliance of Life salah satu pemasangan terbesar Kusama setakat ini, yang dicipta untuk retrospektif 2012 di Tate Modern di London. Sekeping ini menyelubungi pengunjung dalam paparan cahaya yang berubah-ubah dan permukaan cermin yang mempesonakan, menghasilkan ilusi ruang yang

tidak berkesudahan yang mengundang renungan dan introspeksi (Milana, 2022).

d) Agni (Elemen Api)

Elemen api dalam teater di Malaysia mahupun di luar negara adalah tidak asing lagi. Elemen api dalam produksi teater sebagai kesan khas menyediakan pelbagai tujuan artistik dan deria, meningkatkan pengalaman keseluruhan untuk penonton. Penggunaan api dalam teater bermula sejak persembahan purba, di mana kuasa unsur digunakan untuk menawan penonton dan menyampaikan naratif dramatik. Api, khususnya, melambangkan pelbagai tema seperti kemusnahan, kehairahan, dan transformasi. Sifatnya yang dinamik dan tidak dapat diramalkan menjadikannya alat yang berkuasa untuk pengarah yang bertujuan untuk membangkitkan emosi tertentu atau menyerlahkan detik kritikal dalam drama.

Sebagai contoh, semasa era Elizabeth, syarikat teater menggunakan piroteknik untuk mewakili kejadian ghaib atau adegan pertempuran yang sengit. Dalam produksi tertentu Doktor Faustus, pelakon yang menggambarkan syaitan akan meletakkan mercun di dalam mulut mereka untuk mensimulasikan tindakan menyedut api, dengan itu memperhebatkan gambaran entiti syaitan (Aebischer, 2020).

Tetapi pengguna api sebenar apa era kini amat tidak di galakan oleh sebab kesan api atau kebakaran memerlukan protokol keselamatan yang ketat untuk melindungi kedua-dua pelaku dan penonton. Risiko yang wujud yang berkaitan dengan nyalaan terbuka memerlukan perancangan yang komprehensif dan pematuhan kepada garis panduan keselamatan. Amat disyorkan untuk mempunyai sekurang-kurangnya dilengkapi dengan alat pemadam api yang diletakkan pada kedua-dua belah pentas apabila api terbuka hadir. Selain itu, dinasihatkan mengekalkan baldi pasir lembap untuk pemadaman segera bahan asap (University of San Francisco, n.d.). Tambahan pula, penggunaan kesan piroteknik mesti disepadukan ke dalam keseluruhan reka bentuk pengeluaran, dengan mengambil kira faktor-faktor seperti pembinaan set, bahan pakaian, dan arah pentas.

Pengawasan kebakaran yang berdedikasi, dikendalikan oleh individu yang terlatih dalam keselamatan kebakaran, adalah penting semasa persembahan yang menggabungkan kesan sedemikian untuk menangani sebarang kecemasan dengan segera (University of Arizona, n.d.). Oleh di sebabkan faktor ke selamat, pengkaji cuba mencari cara untuk membuat sistem kesan khas api tanpa melibatkan sebarang pembakaran.



4.2 Pendekatan Penciptaan

Proses penghasilan karya kreatif merupakan satu usaha yang tersusun dan sistematik yang melibatkan pelbagai peringkat pengkonsepan, eksperimen, dan pelaksanaan. Dalam pengkajian ini, lima peringkat yang digunakan untuk membangunkan karya kreatif dikaji, mengkaji proses pembuatan, meneliti bahan yang diguna pakai, mencipta idea dengan lakaran dan *sketchup*, proses pembuatan dan aplikasi, dan menilai hasil pengeluaran akhir. Setiap peringkat memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan dan kualiti hasil kreatif.

Proses ini akan meneroka lima peringkat secara terperinci, mengikut rangka kerja pengkajian berasaskan amalan, seperti yang ditekankan oleh Harper dan Kroll (2007). Peringkat-peringkat ini secara kolektif membentuk rangka kerja yang komprehensif untuk mengubah idea abstrak menjadi karya kreatif yang nyata. Ini meneroka setiap peringkat secara terperinci, menunjukkan kepentingannya dalam keseluruhan proses penciptaan ini.

4.2.1 Mengkaji Proses Pembuatan

Peringkat pertama dalam proses kreatif melibatkan menganalisis dan memahami proses pembuatan. Langkah ini penting dalam mengenal pasti amalan terbaik untuk pengeluaran dan memastikan teknik yang digunakan sejajar dengan visi kreatif yang dimaksudkan. Kajian proses pembuatan termasuk menyemak bahan bertulis sedia ada, memerhati persembahan teater, menganalisis produksi video atau filem, dan meneroka teknik seni pemasangan. Melalui peperiksaan ini, pengkaji boleh mendapatkan





pandangan tentang kaedah penghasilan tradisional dan kontemporari serta menilai kaitannya dengan karya kreatif yang dihasilkan. Pada bahagian ini, pengkaji telah menerangkan di bahagian Kaedah Pengumpulan Maklumat Penciptaan, di mana pengkaji meneliti bahan-bahan yang terdapat terutama pengkaji lebih meneliti kepada bahan teater, seni instalasi dan filem/video oleh sebab sumber yang diperoleh agak banyak berbanding bertulis.

4.2.2 Meneliti Bahan Yang Diguna Pakai

Pemilihan bahan ialah faktor penting yang mempengaruhi estetika, ketahanan, dan kefungsi produk akhir. Dalam peringkat ini, pengkaji melibatkan diri dalam analisis bahan dan pembinaan semula. Analisis bahan melibatkan kajian sifat fizikal, kimia dan mekanikal pelbagai bahan untuk menentukan kesesuaiannya untuk tujuan yang dimaksudkan. Pembinaan semula, sebaliknya, melibatkan percubaan dengan bahan yang berbeza untuk mencipta bentuk dan struktur yang inovatif. Proses ini memastikan bahan yang dipilih sejajar dengan konsep artistik keseluruhan dan keperluan teknikal karya kreatif (Scrivener, 2002).

Dalam fasa ini, pengkaji menjalankan pemeriksaan menyeluruh terhadap bahan-bahan yang telah digunakan dalam proses penghasilan. Analisis ini melibatkan penilaian terperinci tentang kualiti, kefungsi dan keberkesanan kos setiap bahan. Berikutan penilaian ini, pengkaji secara sistematik mengenal pasti dan menyenaraikan semua bahan yang digunakan bersama dengan kos masing-masing, untuk mendapatkan pemahaman yang jelas tentang perbelanjaan keseluruhan. Selepas itu, usaha dibuat untuk meneroka bahan alternatif yang boleh berfungsi sebagai pengganti kos efektif



tanpa menjejaskan kualiti dan integriti struktur produk akhir. Di samping itu, pengkaji melibatkan diri dalam proses pembinaan semula konsep, di mana idea sedia ada disemak dan diperhalusi secara kritis untuk meningkatkan kepraktisan mereka sambil mengurangkan kos pengeluaran.

4.2.3 Mencipta Idea Melalui Lakaran dan *Sketchup*

Penjanaan idea ialah aspek asas dalam proses kreatif. Peringkat ini melibatkan pengkonsepan dan visualisasi idea melalui lakaran dan pemodelan digital menggunakan perisian *sketchup*. Lakaran berfungsi sebagai alat penerokaan awal yang membolehkan pengkaji untuk bereksperimen dengan kemungkinan reka bentuk yang berbeza. *Sketchup* adalah perisian pemodelan tiga dimensi (3D) yang membolehkan pengkaji mencipta perwakilan digital yang tepat bagi reka bentuk berkonsepkan dan juga memberikan pemahaman yang lebih terperinci tentang hubungan ruang dan komponen struktur (Candy & Edmonds, 2018). Langkah ini membolehkan penghalusan dan penilaian idea sebelum meneruskan ke fasa pembuatan sebenar.

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menghasilkan lakaran diagram yang menggambarkan sistem pentas yang sebenar sebagai panduan dalam proses pembangunan kajian ini. Lakaran diagram ini akan disusun secara sistematik bagi memastikan setiap elemen dalam sistem pentas dapat divisualkan dengan tepat. Sementara itu, penggunaan *sketchup* akan diaplikasikan bagi menghasilkan lukisan 3D yang lebih terperinci dan berskala, selaras dengan ukuran sebenar *mockup* yang akan dibangunkan. Pendekatan ini bertujuan untuk memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai struktur pentas, bahan yang digunakan, serta susunan elemen-elemen utama



yang terlibat dalam rekaan pentas tersebut. Dengan menggunakan teknologi pemodelan 3D seperti *sketchup*, pengkaji dapat menilai aspek teknikal secara lebih mendalam sebelum proses pembinaan sebenar dilakukan, sekali gus meningkatkan ketepatan dalam reka bentuk dan pelaksanaan projek ini.

4.2.4 Proses Pembuatan dan Aplikasi

Peringkat keempat ialah pelaksanaan kerja kreatif, di mana idea diubah menjadi output ketara. Proses ini melibatkan penerokaan bahan, inovasi pengeluaran, dan pembangunan *mockup*. Penerokaan bahan menumpukan pada menguji dan memanipulasi bahan untuk mencapai kualiti artistik dan fungsian yang dikehendaki. Inovasi pengeluaran menyepadukan teknologi dan teknik baharu ke dalam proses pembuatan, memastikan kecekapan dan ketepatan. Pembangunan *mockup* berfungsi sebagai peringkat prototaip, membolehkan pengkaji menilai dan memperhalus kerja sebelum pengeluaran akhir (Gray & Malins, 2016).

Dalam bahagian ini, proses pertukangan akan dilaksanakan ke atas model *mockup* yang dibina menggunakan bahan utama, iaitu papan lapis (*plywood*) dengan ketebalan 1 cm. Pemilihan papan lapis sebagai bahan asas adalah berdasarkan kepada sifatnya yang ringan, tahan lama, serta mudah dibentuk bagi memenuhi keperluan reka bentuk model tersebut. Setelah proses pemotongan dan pemasangan selesai, langkah seterusnya melibatkan pengecatan bagi memberikan kemasan yang lebih estetik dan menyerupai reka bentuk akhir yang dirancang.





Selain itu, proses ini juga merangkumi pemilihan dan peletakan barang yang sesuai mengikut perancangan awal. Setiap komponen akan dinilai daripada segi kesesuaian saiz, warna, serta fungsinya dalam memastikan model yang dibangunkan benar-benar mencerminkan konsep asal yang telah dikemukakan dalam peringkat perancangan. Namun demikian, dalam proses pelaksanaan ini, terdapat kemungkinan berlakunya perubahan terhadap idea asal yang telah dilakarkan menggunakan *sketchup*.

Perubahan ini mungkin berlaku disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk ketidaksesuaian bahan yang digunakan, cabaran teknikal dalam pemasangan, atau keperluan untuk menyesuaikan reka bentuk bagi memastikan kesempurnaan model akhir. Dalam bidang reka bentuk seni bina dan seni persembahan, perubahan semasa proses pembangunan ialah satu perkara yang biasa berlaku kerana realiti fizikal sesuatu bahan mungkin berbeza daripada jangkaan awal dalam peringkat konseptual (Brown & Mueller, 2019). Oleh itu, pendekatan yang fleksibel dan bersifat mudah beradaptasi amat diperlukan bagi memastikan model yang dihasilkan bukan sahaja memenuhi keperluan praktikal tetapi juga mengekalkan keaslian konsep yang telah dirancang.

4.2.5 Hasil Pembuatan

Peringkat akhir proses kreatif melibatkan penilaian kerja yang telah siap. Penilaian ini menentukan sama ada hasil kreatif sejajar dengan objektif awal dan visi artistik. Dengan menganalisis keputusan akhir, pengkaji boleh mengenal pasti kekuatan dan bidang untuk penambahbaikan, menyumbang kepada penghalusan berterusan amalan kreatif. Peringkat ini juga memberikan pandangan yang berharga untuk projek masa depan dan menyokong pembangunan pendekatan artistik yang inovatif (Sullivan, 2010).





4.3 Proses Penciptaan Karya Kreatif

Sistem yang digunakan untuk mencapai kesan ini biasanya termasuk mekanisme kawalan yang mengawal kedua-dua keamatan pencahayaan dan output mesin asap. Persediaan peringkat lanjutan mungkin menggunakan panel kawalan pusat yang membolehkan pengendali melaraskan kecerahan, warna dan pergerakan lampu, serta ketumpatan dan tempoh asap dikeluarkan. Tahap kawalan ini memastikan bahawa kesan visual boleh disesuaikan dengan keperluan prestasi tertentu, mewujudkan pengalaman yang lancar dan disegerakkan (Graves, 1999). Contohnya, cahaya yang malap dan bergerak perlahan digabungkan dengan kabus asap yang nipis boleh mencipta suasana hantu, manakala pancaran cahaya pantas melalui asap tebal boleh





mensimulasikan persekitaran yang meletup atau bertenaga tinggi. Selain itu, sistem kawalan digital sering menyepadukan urutan pencahayaan pra-program yang disegerakkan dengan muzik dan koreografi, meningkatkan lagi impak persembahan (Moran, 2018)

Walaupun kelebihan artistik dan teknikal menggunakan cahaya dan asap bersama-sama, terdapat pertimbangan keselamatan penting yang mesti diambil kira. Sumber kuasa untuk sistem pencahayaan dan asap biasanya beroperasi pada 240V, yang memerlukan langkah keselamatan elektrik yang betul untuk mengelakkan bahaya seperti litar pintas, kebakaran elektrik atau kejutan tidak sengaja. Penebat yang betul dan penyelenggaraan tetap peralatan adalah penting untuk memastikan keselamatan kedua-dua pemain dan kakitangan teknikal. Selain itu, jumlah asap yang dikeluarkan mesti dikawal dengan teliti untuk mengelakkan pengumpulan berlebihan, yang boleh menghalang penglihatan untuk penghibur dan penonton. Penggunaan asap yang berlebihan boleh menyebabkan ketidakselesaan pernafasan, terutamanya di tempat tertutup dengan pengudaraan yang tidak mencukupi. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan pematuhan dengan piawaian keselamatan, seperti yang digariskan oleh *Occupational Safety and Health Administration* (OSHA), untuk mengekalkan persekitaran yang selamat untuk semua individu yang terlibat (Prasad & Ray, 2023).

Antara bahan yang digunakan dalam proses pembuatan *Agni* (Elemen Api) termasuklah beberapa buah komponen penting seperti paip PVC, lampu LED, dan kepingan akrilik. Setiap bahan ini memainkan peranan tersendiri dalam membentuk struktur dan visual elemen tersebut. Paip PVC digunakan sebagai rangka utama kerana sifatnya yang ringan, tahan lama, dan mudah dibentuk. Lampu LED pula dipasang untuk menghasilkan pencahayaan yang menyerlah dan mencipta kesan visual api yang



menarik serta dinamik. Manakala kepingan akrilik digunakan sebagai lava dan di bawah akrilik itu akan diletakan lampu LED agar dapat membuat elemen estetika, memantulkan cahaya, dan memberikan kesan berkilau serta kemasan yang lebih profesional. Dianggarkan besar pentas atau *stage* lebar 20 kaki dan panjang pentas 40kaki.

Kesemua bahan ini telah dikenal pasti berdasarkan ciri-ciri ketahanan, fleksibiliti, dan keupayaannya untuk menyokong konsep rekaan *Agni* secara menyeluruh. Harga bagi setiap bahan juga telah diambil kira dengan teliti bagi memastikan kos keseluruhan projek berada dalam julat bajet yang munasabah tanpa menjejaskan kualiti dan hasil akhir rekaan. Pemilihan bahan ini turut mengambil kira aspek keselamatan, kemudahan pemasangan, dan keberkesanan dalam menyampaikan konsep elemen api yang diinginkan.


Jadual 4.8

Harga Barang bagi Bahan Pembuatan Agni (Elemen Api)

No.	Bahan/Barang	Jumlah Unit	Harga Untuk Satu Unit (RM)/(USD)
1)	Paip PVC (50mm)	120kaki	(satu kaki) RM 2.85 (PVC <i>PaipClassO(Normal)/15MM/20MM/25MM/32M M/40MM/50MM/65MM/80MM/100MM Lazada, n.d.)</i>)
2)	Lampu LED (20m)	3	RM 154.11 (220V 2835 LED Strip Light <i>10M/5M/4M/3M/1M 120led/m IP67 Waterproof Outdoor Led Lights High Brightness Neon Led Flexible Light Strip With Plug Lazada, n.d.)</i>)
3)	Akrilik 4kaki x 8kaki x 4mm	25	RM490.50 (4ft x 8ft Custom Cut Custom ColorAcrylic Sheet (2mm,3mm,5mm), Custom Cut Transparent Acrylic Board , Clear Plastic Sheet Shopee Malaysia, n.d.)
			Jumlah RM 13,066.83

Rajah 4.11

Sketchup sistem teknologi agni yang telah di hasilkan oleh pengkaji





4.3.5 Proses Pembinaan

Dalam proses awal pembinaan ini, pengkaji telah menggunakan papan lapis (*plywood*) yang berukuran 4 kaki x 8 kaki dengan ketebalan 1 sentimeter sebagai bahan utama dalam penghasilan *mockup* tersebut. Pemilihan papan lapis ini dibuat berdasarkan ketahanannya serta kemampuannya untuk dibentuk dan disesuaikan mengikut keperluan reka bentuk yang telah dirancang. Setelah bahan asas dikenal pasti, proses pemotongan dijalankan dengan teliti bagi memastikan setiap bahagian memenuhi spesifikasi yang diperlukan. Papan lapis tersebut dipotong kepada dua saiz utama, iaitu 1 kaki x 2 kaki dan 1 kaki x 1 kaki, di mana setiap potongan dilakukan dengan mengambil kira aspek ketepatan dan kesesuaian dalam penyambungan struktur keseluruhan *mockup*.



Setelah proses pemotongan selesai, langkah seterusnya ialah penyambungan setiap bahagian papan lapis yang telah dipotong. Penyambungan ini memerlukan teknik yang teliti bagi memastikan struktur yang dihasilkan kukuh dan stabil. Proses ini melibatkan penggunaan bahan pelekat berkualiti tinggi serta sokongan tambahan seperti paku atau skru untuk mengukuhkan sambungan antara bahagian yang disatukan. Langkah ini penting bagi menjamin daya tahan dan ketahanan *mockup* dalam menjalani proses seterusnya.

Apabila penyambungan telah diselesaikan, fasa akhir dalam proses pembinaan ini ialah proses pengecatan. Pengecatan memainkan peranan penting bukan sahaja untuk memberikan kemas yang lebih estetik, tetapi juga untuk melindungi permukaan papan lapis daripada kelembapan dan kerosakan yang boleh berlaku akibat faktor persekitaran. Pemilihan jenis cat yang sesuai turut menjadi pertimbangan utama,





di mana cat yang digunakan perlu mempunyai daya lekat yang baik pada permukaan kayu serta memberikan hasil yang tahan lama. Sebelum cat disapu, permukaan papan lapis akan dikemaskan dengan kertas pasir bagi memastikan teksturnya rata dan licin, sekali gus menghasilkan kemas yang lebih profesional dan berkualiti tinggi.

Rajah 4.12

Membuat mockup menggunakan plywood






Bagi penggunaan komponen seperti lampu LED dan kipas PC, arus elektrik yang digunakan ialah 12V, manakala untuk pam motor, arus yang diperlukan ialah 5V. Oleh itu, pengkaji telah menyediakan satu sistem bekalan kuasa yang direka bentuk untuk menukar arus ulang-alik (AC) 240 volt kepada arus terus (DC) 5v dan (DC) 12v melalui penggunaan transformer jenis *step-down*.



Rajah 4.13

Sistem pendawaian suis kawalan menggunakan bekalan kuasa 5V DC



Rajah 4.13 menunjukkan satu sistem bekalan kuasa yang direka bentuk untuk menukar arus ulang-alik (AC) 240 volt kepada arus terus (DC) 5 volt melalui penggunaan transformer jenis *step-down*. Sistem ini sesuai digunakan dalam aplikasi elektronik berskala kecil seperti motor pam mini, modul sensor, papan mikro pengawal, dan komponen lain yang beroperasi pada 5V DC. Selain itu, sistem ini juga dilengkapi dengan suis kawalan utama bagi memutuskan atau menyambung bekalan kuasa dengan lebih mudah dan selamat.

Sistem bermula dengan sambungan tiga wayar utama dari sumber bekalan 240 volt AC iaitu:

L (*Live*) – wayar hidup berwarna coklat,

N (*Neutral*) – wayar neutral berwarna biru, dan

E (*Earth*) – wayar bumi berwarna hijau.

Ketiga-tiga wayar ini disambungkan ke suis kawalan terlebih dahulu sebelum disalurkan ke input transformer. Suis ini berfungsi sebagai suis utama yang boleh menghidupkan atau mematikan keseluruhan sistem bekalan kuasa. Apabila suis dihidupkan, arus AC akan mengalir masuk ke dalam transformer.

Transformer jenis *Switched Mode Power Supply* (SMPS) yang digunakan dalam sistem ini akan menukarkan voltan tinggi AC 240V kepada voltan rendah DC 5V. Pada bahagian output transformer, terdapat dua terminal utama iaitu:

(positif) – untuk mengalirkan arus positif,

(negatif) – sebagai laluan arus kembali.


Kedua-dua terminal ini disambungkan ke blok sambungan (terminal *block*) yang mempunyai beberapa pasangan sambungan + dan - untuk membolehkan bekalan kuasa diedarkan kepada pelbagai komponen secara serentak. Reka bentuk ini membolehkan pengkaji atau pengguna menyambung lebih daripada sebuah peranti kepada bekalan kuasa tanpa perlu pendawaian yang rumit.

Penggunaan terminal *block* juga memudahkan proses penyelenggaraan kerana setiap sambungan adalah jelas dan tersusun. Tambahan pula, voltan DC 5V yang dibekalkan adalah sesuai untuk kebanyakan komponen elektronik mikro seperti LED, sensor ultrasonik, motor kecil, dan mikro pengawal seperti *Arduino* dan *Raspberry Pi*.

Secara keseluruhannya, sistem ini merupakan contoh sistem bekalan kuasa rendah yang selamat, efisien, dan mudah digunakan. Ia amat sesuai digunakan dalam projek pendidikan dan pengkajian yang melibatkan sistem kawalan elektronik atau automasi berskala kecil. Suis kawalan yang disediakan meningkatkan tahap keselamatan sistem kerana pengguna boleh memutuskan arus utama sebelum melakukan sebarang kerja sambungan atau penyelenggaraan.

Rajah 4.14

Sistem pendawaian suis kawalan menggunakan bekalan kuasa 12V DC



Rajah 4.14 menunjukkan satu sistem pendawaian elektrik yang direka bentuk untuk mengawal empat buah komponen elektronik menggunakan suis individu. Sistem ini menggunakan sumber utama elektrik arus ulang-alik (AC) sebanyak 240 volt, yang kemudiannya diturunkan kepada arus terus (DC) 12 volt melalui penggunaan sebuah transformer jenis *Switched Mode Power Supply* (SMPS). Sistem ini sesuai digunakan dalam projek elektronik berskala kecil seperti kawalan motor pam, lampu LED, atau kipas komputer yang beroperasi pada arus rendah.

Pada peringkat awal sistem, terdapat tiga buah wayar utama yang mewakili sambungan kepada sumber elektrik 240 volt, iaitu Live (L), Neutral (N), dan Earth (E). Ketiga-tiga wayar ini disambungkan kepada input pada SMPS. Transformer ini



berfungsi untuk menukar voltan tinggi 240V AC kepada voltan rendah 12V DC, yang lebih selamat dan sesuai untuk komponen elektronik berskala kecil.

Output daripada transformer terdiri daripada dua sambungan iaitu (positif) dan (negatif). Sambungan negatif disambungkan terus ke bahagian atas setiap terminal dalam terminal *block*, yang seterusnya disambungkan ke beban seperti LED atau motor. Sambungan positif pula dibahagikan kepada empat lorong laluan berasingan melalui penggunaan suis (Suis 1 hingga Suis 4). Setiap suis disambungkan kepada salah sebuah terminal di dalam terminal *block*, yang berfungsi untuk membekalkan arus positif ke komponen apabila suis diaktifkan.

Apabila mana-mana suis ditekan, arus positif daripada transformer akan mengalir ke terminal yang berkaitan dan seterusnya menghidupkan komponen elektronik yang disambungkan. Ini memberikan kawalan individu kepada setiap beban yang disambungkan kepada sistem. Reka bentuk ini memberikan kelebihan daripada segi keselamatan, fleksibiliti, dan kemudahan penyelenggaraan kerana pengguna boleh mengawal komponen secara berasingan tanpa menjejaskan keseluruhan sistem.

Secara keseluruhannya, sistem ini memanfaatkan konsep asas pendawaian DC dengan penambahan kawalan suis untuk menjadikan sistem lebih tersusun dan berfungsi dengan baik. Ia sesuai digunakan dalam aplikasi seperti sistem automasi rumah, projek pendidikan, dan litar ujian eksperimen elektronik.





Proses Pembuatan *Samudra* (Elemen Air)

Dalam proses pertama pembuatan *Samudra*, langkah awal yang dilakukan adalah pemrograman (*programming*) menggunakan papan mikro pengawal *Arduino Uno*. *Arduino Uno* berperanan sebagai unit pemproses utama yang berfungsi menghantar isyarat kawalan kepada modul *relay* empat saluran (*4-channel relay module*), yang seterusnya mengawal operasi *water pump* dengan menghentikan atau menggerakkannya mengikut keperluan sistem. Pemilihan *Arduino Uno* sebagai teras sistem kawalan adalah berdasarkan keupayaannya untuk memproses input daripada sensor dan mengatur tindakan yang diperlukan secara automatik (Banzi & Shiloh, 2022)

Proses pemrograman ini melibatkan penulisan kod yang menentukan logik operasi sistem, termasuk bagaimana *Arduino Uno* menerima data daripada sensor ultrasonik HC-SR04 dan memberikan arahan kepada modul *relay* untuk mengaktifkan atau menghentikan pam air (*water pump*). Sensor ultrasonik HC-SR04 memainkan peranan penting dalam sistem ini dengan mengesan jarak objek atau paras air dan menghantar isyarat kembali kepada *Arduino Uno* untuk diproses. Berdasarkan data yang diterima daripada sensor ini, *Arduino Uno* membuat keputusan sama ada pam air perlu dihidupkan atau dihentikan. Pemrograman ini dilakukan dengan menggunakan perisian *Arduino IDE*, yang membolehkan penulisan, penyusunan (*compilation*), dan pemuatan kod ke dalam mikro pengawal secara efisien (Monk & McCabe, 2016).

Setelah proses pemrograman selesai dan diuji secara simulasi dalam persekitaran perisian, langkah seterusnya ialah penyambungan komponen fizikal yang membentuk keseluruhan sistem kawalan. Penyambungan ini melibatkan beberapa




peralatan utama seperti modul *relay* empat saluran, pam air (*water pump*), dan sensor ultrasonik HC-SR04, yang disambungkan dengan teliti bagi memastikan setiap komponen dapat berfungsi dengan baik. Penyambungan dilakukan dengan menghubungkan output sensor ultrasonik ke input *Arduino Uno*, yang kemudian dihubungkan ke modul *relay*. Modul *relay* ini bertindak sebagai suis elektronik yang mengawal aliran arus elektrik kepada pam air, membolehkan sistem berfungsi secara automatik berdasarkan keadaan yang dikesan oleh sensor.

Keseluruhan proses ini menekankan pendekatan sistematik dalam pembangunan sistem kawalan berasaskan *Arduino Uno*, yang merangkumi fasa pemrograman, ujian simulasi, dan penyambungan komponen secara fizikal. Dengan memastikan setiap langkah dilaksanakan dengan teliti, sistem yang dihasilkan dapat berfungsi dengan cekap dan berdaya tahan untuk kegunaan praktikal.

Rajah 4.15

Proses menyambung wayar dan programming untuk sistem Samudra






Setelah proses pemrograman (*programming*) selesai dan diuji untuk memastikan sistem berfungsi dengan baik, pengkaji seterusnya memberi tumpuan kepada proses pembuatan simulasi hujan. Dalam menghasilkan kesan hujan yang realistik dalam projek *Samudra*, beberapa buah bahan utama digunakan, termasuk *manifold* atau pengedar udara (*air distributor*), selang udara (*air tubing*), serta sambungan berbentuk *Y-connector* (Y) Pemilihan bahan-bahan ini adalah berdasarkan keupayaan masing-masing dalam mengawal aliran udara dan air dengan cekap bagi meniru titisan hujan secara konsisten dan seragam. Proses penciptaan simulasi hujan ini bermula dengan pemasangan *manifold* atau pengedar udara yang memainkan peranan penting dalam mengagihkan aliran udara ke beberapa saluran yang disambungkan kepada sistem penyemburan. *Manifold* ini bertindak sebagai pusat penyebaran tekanan udara yang memastikan setiap saluran menerima jumlah udara yang seimbang, sekali gus mengawal corak penyemburan air agar menyerupai hujan sebenar. Selang udara digunakan untuk menyambungkan *manifold* kepada bahagian lain dalam sistem, manakala sambungan berbentuk Y membolehkan pembahagian aliran udara ke beberapa buah laluan bagi menghasilkan percikan air yang lebih merata. Dengan gabungan komponen ini, pengkaji dapat menyesuaikan tekanan udara dan air untuk mencipta pelbagai kesan titisan hujan mengikut keperluan projek.




Selain itu, proses pembangunan pentas untuk simulasi hujan turut menjadi keutamaan dalam projek ini. Pada peringkat awal, pengkaji memilih untuk menggunakan polypropylene (PP) *Impra Board* sebagai bahan utama dalam pembinaan struktur pentas. PP *Impra Board*, yang diperbuat daripada *polypropylene*, dipilih kerana sifatnya yang ringan, tahan air, dan mudah untuk dibentuk serta diubah suai. Penggunaan bahan ini pada peringkat awal membolehkan pengkaji melakukan ujian reka bentuk dan struktur sebelum beralih kepada bahan yang lebih kekal. Setelah reka bentuk dan ketahanan struktur diuji serta hasilnya memenuhi jangkaan, barulah bahan akrilik digunakan untuk menggantikan PP *Impra Board*. Akrilik dipilih kerana ketelusan dan ketahanannya yang tinggi, menjadikannya lebih sesuai untuk menampilkan kesan visual yang lebih jelas dalam projek.

Rajah 4.16


Beberapa gambar proses pembuatan Samudra








Rajah 4.17

Hasil akhir bagi pembuatan mockup Samudra





Proses Pembuatan *Vayu* (Elemen Angin)

Proses pembuatan *Vayu* bermula dengan langkah pertama yang sangat penting, iaitu mengukur saiz *mockup* dengan teliti bagi memastikan semua komponen dapat dipasang dengan tepat dan berfungsi secara optimum. Setelah saiz *mockup* dikenal pasti, titik tengahnya diambil dan ditandakan sebagai panduan dalam pemasangan komponen utama, terutamanya kipas *personel computer* (PC) 12V (*Cooler Fan*). Penandaan ini bertujuan untuk memastikan kipas ditempatkan pada posisi strategik bagi mencapai aliran udara yang efisien dalam sistem.

Langkah seterusnya dalam proses ini, membina sokongan bagi meletakkan kipas PC 12V. Sokongan ini berperanan sebagai asas kukuh untuk memastikan kipas berada dalam kedudukan yang stabil ketika beroperasi. Dalam pembinaan sokongan ini, bahan utama yang digunakan ialah kayu dengan ukuran 1 *centimeter* (cm) x 1 cm. Pemilihan kayu sebagai bahan sokongan adalah berdasarkan sifatnya yang tahan lama, mudah dibentuk, serta mampu menahan getaran yang dihasilkan oleh kipas semasa beroperasi. Pemasangan sokongan ini dilakukan dengan cermat supaya ia dapat menampung berat kipas tanpa menjejaskan struktur keseluruhan sistem.

Selepas pemasangan sokongan kipas selesai, proses diteruskan dengan pembinaan separuh lingkaran menggunakan bahan PP *Impra Board*. PP *Impra Board* dipilih kerana sifatnya yang ringan, tahan lasak, dan mudah dibentuk, menjadikannya bahan yang sesuai untuk aplikasi ini. Pembinaan separuh lingkaran ini bertujuan untuk menutup ruang belakang sistem serta memastikan hanya terdapat satu bukaan udara, iaitu di bahagian atas. Dengan cara ini, aliran udara yang dihasilkan oleh kipas dapat dikawal dengan lebih berkesan untuk mengarahkan asap ke laluan tertentu.



Selain itu, bahagian bawah separuh lingkaran juga ditutup menggunakan PP *Impra Board* bagi memastikan aliran udara terkawal sepenuhnya. Bahagian atas ruang ini kemudiannya dipasang dengan kipas PC 12V yang akan bertindak sebagai pemacu utama dalam menggerakkan asap keluar melalui bahagian atas sistem. Dalam memastikan kelajuan kipas dapat dikawal dengan fleksibel, sebuah pengawal kelajuan motor *direct current (DC) (DC Motor Speed Controller)* turut dipasang bersama kipas PC 12V. Komponen ini membolehkan pengguna melaraskan kelajuan kipas mengikut keperluan, sama ada untuk menghasilkan aliran udara yang lebih perlahan bagi kesan kabus lembut atau aliran yang lebih deras bagi kesan asap yang lebih pekat.


Bagi menambahkan lagi keberkesanan sistem ini dalam mencipta kesan visual yang menonjol, mesin asap (*smoke machine*) turut digunakan sebagai sumber utama penghasilan asap. Dalam projek *Vayu*, mesin asap yang digunakan ialah model *Ulanzi Filmog Ace*, yang terkenal dengan kebolehannya menghasilkan asap berkualiti tinggi serta kestabilan dalam penyebaran asap ke ruang tertentu. Mesin asap ini dipilih berdasarkan keupayaannya dalam menghasilkan zarah asap yang halus dan seragam, menjadikannya ideal untuk digunakan dalam aplikasi seni persembahan dan pemasangan visual interaktif.

Secara keseluruhannya, proses pembuatan *Vayu* melibatkan beberapa peringkat penting yang perlu dilaksanakan dengan ketelitian dan perancangan yang rapi. Daripada pengukuran awal sehingga pemasangan kipas dan sistem kawalan udara, setiap langkah dalam proses ini memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan sistem dalam menghasilkan kesan visual yang diinginkan.



Rajah 4.18




Proses pembuatan Vayu






Rajah 4.19

Hasil akhir bagi pembuatan mockup Vayu





Proses Pembuatan *Bhumi* (Elemen Tanah)

Dalam proses pembuatan *Bhumi*, hanya dua buah bahan utama yang digunakan adalah lembaran akrilik cermin dua hala dan lampu LED 12V. Walaupun bahan yang digunakan dalam projek ini hanya terdiri daripada dua jenis komponen utama, namun proses pembuatannya merupakan salah satu yang paling rumit dan memerlukan ketelitian yang tinggi. Hal ini disebabkan oleh keperluan untuk menyambungkan lampu LED 12V menggunakan teknik menyolder/memateri (*soldering*), yang memerlukan kemahiran dalam kerja elektronik dan pematerian untuk memastikan sambungan elektrik yang kukuh dan berfungsi dengan baik. Proses menyolder dalam pemasangan sistem pencahayaan memerlukan ketelitian yang tinggi bagi mengelakkan sambungan





yang lemah, yang boleh mengakibatkan masalah teknikal seperti gangguan arus elektrik atau kerosakan komponen pencahayaan.

Sebelum proses menyolder dijalankan, langkah pertama dalam pembinaan *Bhumi* ialah penyusunan lembaran akrilik cermin dua hala. Penyusunan ini memainkan peranan penting dalam membentuk struktur asas sistem pencahayaan serta memastikan cahaya yang dihasilkan oleh lampu LED dapat dipantulkan dengan optimum. Dalam susunan ini, lembaran akrilik cermin dua hala disusun dalam bentuk kotak yang belum sepenuhnya tertutup, menyerupai bentuk huruf "T" kecil. Rekaan ini dipilih kerana ia dapat menghasilkan kesan pantulan cahaya yang lebih dinamik serta membolehkan interaksi visual yang menarik apabila lampu LED diaktifkan.

Selepas struktur akrilik cermin dua hala disusun dengan kemas dan selari, barulah proses menyolder dilakukan bagi menyambungkan lampu LED 12V ke dalam sistem. Menyolder merupakan satu aspek kritikal dalam pembinaan *Bhumi*, kerana ia bukan sahaja memastikan bekalan tenaga elektrik kepada lampu LED berfungsi dengan stabil tetapi juga menentukan daya tahan sambungan dalam jangka masa panjang. Proses ini memerlukan penggunaan alatan khusus seperti besi pemateri, wayar solder, dan penyedut solder untuk memastikan sambungan yang bersih dan tidak mudah terputus.

Selain aspek teknikal dalam penyambungan elektrik, reka bentuk pencahayaan dalam *Bhumi* juga mengambil kira aspek estetik dan interaktif. Penggunaan akrilik cermin dua hala sebagai medium pantulan cahaya membolehkan penciptaan kesan visual yang lebih mendalam, di mana cahaya yang dipantulkan seolah-olah mencipta lapisan cahaya yang tidak terhingga. Teknologi pencahayaan seperti ini sering






digunakan dalam bidang seni visual dan reka bentuk interaktif bagi mencipta pengalaman imersif yang unik. Oleh itu, dalam proses pembinaan *Bhumi*, setiap aspek penyusunan bahan dan pemasangan lampu LED perlu dilakukan dengan cermat bagi memastikan hasil akhir baik.

Secara keseluruhannya, proses pembuatan *Bhumi* melibatkan beberapa langkah utama yang perlu dilakukan dengan ketelitian tinggi, iaitu penyusunan lembaran akrilik cermin dua hala, menyolder lampu LED 12V, serta pengujian sistem pencahayaan sebelum ia digunakan sepenuhnya. Walaupun hanya menggunakan dua buah bahan utama, kerumitan dalam proses ini terletak pada aspek teknikal penyambungan elektrik serta reka bentuk efektif yang memerlukan perancangan rapi.

Rajah 4.20

Proses pembuatan Bhumi







Rajah 4.21

Hasil akhir bagi pembuatan mockup Bhumi







Proses Pembuatan *Agni* (Elemen Api)


Projek *Agni* merupakan salah satu sistem pencahayaan dan efek visual yang menggabungkan pelbagai bahan dan teknik pembinaan bagi mencipta ilusi cahaya dan asap yang unik. Dalam proses pembuatannya, beberapa buah bahan utama digunakan, termasuk paip PVC, lampu LED 12V, simen kelabu, cat plakat (*plaque*), *styrofoam*, *resin epoxy* dan pengeras (*hardener*), tinta alkohol, selang udara (air tubing), serta sambungan berbentuk Y. Setiap bahan ini mempunyai peranan yang spesifik dalam membentuk struktur fizikal serta menghasilkan kesan visual yang diinginkan.

Langkah pertama dalam proses ini melibatkan pembentukan *styrofoam* bagi mencipta tekstur yang kasar, menggerutu, atau berlekuk-lekuk (berlopak-lopak). Proses ini penting kerana tekstur yang dihasilkan bukan sahaja memberikan kesan estetika yang lebih realistik tetapi juga membantu dalam pencahayaan dan penyebaran asap. Tekstur pada bahan seperti *styrofoam* dalam seni dan reka bentuk interaktif berperanan penting dalam meningkatkan kesan tiga dimensi serta memberikan ilusi kedalaman yang lebih kuat. Setelah tekstur yang diinginkan terbentuk, pengkaji meneruskan dengan pemotongan lampu LED 12V serta pemasangannya pada bahagian yang telah dilubangi di *styrofoam*.



Rajah 4.22

Proses pemotongan styrofoam



Setelah pemasangan LED dilakukan pada *styrofoam*, langkah seterusnya memotong paip PVC dengan cara tertentu sehingga terdapat ruang terbuka atau longkang kecil di sepanjang paip tersebut. Ruang longkang ini dibuat bagi membolehkan cahaya dari lampu LED yang dipasang di dalam paip PVC dapat dipancarkan keluar dengan lebih efektif. Selain itu, longkang ini juga berfungsi sebagai laluan untuk asap yang akan dihasilkan dalam sistem *Agni*. Sistem pencahayaan yang digabungkan dengan efek asap memerlukan struktur yang membolehkan penyebaran asap secara terkawal bagi mengelakkan kabus yang terlalu tebal dan mengurangkan keberkesanan efek visual yang dihasilkan.




Bagi memastikan efek asap dapat berfungsi dengan baik, pengkaji turut melubangkan selang udara (*air tubing*) dengan beberapa buah lubang kecil agar asap dapat keluar secara sekata dari celah-celah lubang tersebut. Setelah selesai proses pelubangan, selang udara ini akan dimasukkan di antara lampu LED 12V dan paip PVC. Penyusunan ini memerlukan ketelitian tinggi kerana lubang pada selang udara perlu menghadap longkang yang telah dibuat pada paip PVC agar penyebaran asap dapat berlaku secara optimum.

Rajah 4.23

Meletakkan lampu LED ke dalam paip PVC yang telah di longkangkan







Setelah sistem pencahayaan dan asap dipasang, langkah seterusnya membuat susun atur elemen-elemen ini pada permukaan *styrofoam* yang telah dibentuk tadi. Pemilihan susunan yang sesuai adalah penting untuk memastikan efek cahaya dan asap dapat diintegrasikan secara estetik dalam rekaan keseluruhan. Seterusnya, pengkaji menyalut permukaan *styrofoam* dengan lapisan simen kelabu bagi memberikan tekstur yang lebih realistik dan memperkukuhkan struktur bahan tersebut. Simen yang telah disapukan akan dibiarkan kering sepenuhnya sebelum permukaannya dicat menggunakan cat plakat bagi mendapatkan kesan warna yang lebih hidup dan menyerlahkan tekstur yang telah dihasilkan.

Rajah 4.24

Proses penyapuan simen dan mengecat





Langkah terakhir dalam proses pembuatan *Agni* ialah penggunaan *resin epoxy* dan pengeras (*hardener*). Sebelum campuran resin *epoxy* dituangkan ke dalam lekukan yang telah dibuat pada permukaan *styrofoam*, pengkaji terlebih dahulu mencampurkan resin *epoxy* dengan pengeras dalam nisbah 3:1 untuk memastikan campuran yang seimbang dan stabil. Selepas itu, beberapa titisan tinta alkohol akan ditambahkan ke dalam campuran resin *epoxy* bagi memberikan warna yang sesuai dengan konsep visual



Agni. Setelah proses pewarnaan selesai, campuran resin *epoxy* ini akan dituangkan ke dalam beberapa buah lopak yang telah dipasangkan lampu LED 12V. Teknik ini bertujuan untuk menghasilkan kesan pencahayaan yang lebih mendalam dan dinamik, di mana cahaya LED yang terpancar akan berinteraksi dengan lapisan resin yang jernih dan berwarna, menghasilkan ilusi cahaya yang menyerupai lava atau sumber tenaga bercahaya.

Keseluruhan proses pembinaan *Agni* menunjukkan bagaimana penggunaan pelbagai bahan dan teknik dapat digabungkan secara efektif untuk mencipta efek visual yang mengagumkan. Daripada proses pembentukan tekstur *styrofoam*, pemasangan lampu LED dan sistem asap, hingga penyusunan resin *epoxy* untuk menghasilkan efek cahaya yang dinamik, setiap langkah memainkan peranan penting dalam memastikan hasil akhir yang berkualiti tinggi. Selain aspek teknikal, pendekatan yang digunakan dalam projek ini juga menunjukkan bagaimana prinsip reka bentuk interaktif dapat diaplikasikan dalam penciptaan efek visual yang lebih imersif dan menarik dalam konteks seni dan teknologi.

Rajah 4.25


Proses penggunaan resin epoxy dan pengeras (hardener)





Rajah 4.26

Hasil akhir bagi pembuatan mockup Agni







BAB 5

DESKRIPSI KARYA KREATIF

Bab ini menjelaskan secara terperinci mengenai pembentukan 4 buah karya iaitu *Agni* (Elemen Api) *Bhumi* (Elemen Tanah), *Vayu* (Elemen Angin) dan *Samudra* (Elemen Air) yang akan melihat penjelasan bentuk karya secara keseluruhan, Struktur Karya menjurus kepada penjelasan tentang susunan bentuk karya secara khusus berdasarkan elemen karya kreatif. dan Program Persembahan secara keseluruhan.

5.1 Pembentukan Karya

Pembentukan sesuatu karya seni kreatif sememangnya bersifat dinamik dan akan mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Perubahan ini bergantung kepada pelbagai faktor, termasuk keperluan teknikal, kehendak kreatif, serta perkembangan semasa dalam dunia seni dan teknologi. Dalam konteks ini, sebarang perubahan yang





dilakukan terhadap karya kreatif bertujuan untuk memperbaiki atau memperkayakan aspek estetik dan fungsi.

Pegangan teori menjadi asas dalam memahami dan menyesuaikan karya seni dengan konteks semasa, sekali gus memastikan setiap perubahan yang dibuat mempunyai justifikasi yang kukuh. Dalam kajian ini, pendekatan *Practice-Based Research* (PBR) seperti yang dikemukakan oleh Harper dan Kroll memainkan peranan penting dalam membimbing proses penciptaan dan pengubahsuaian karya. Melalui pendekatan ini, penciptaan karya tidak hanya bersandarkan kepada kreativiti semata-mata tetapi juga berdasarkan pengkajian yang sistematik dan refleksi kritikal terhadap amalan seni.

Pendekatan *Practice-Based Research* (PBR) membolehkan pengkaji memahami dengan lebih mendalam proses penciptaan serta kesan perubahan yang dilakukan terhadap hasil akhir karya. Melalui kaedah ini, setiap keputusan yang dibuat dalam pembentukan karya adalah berasaskan pemerhatian, eksperimen, dan analisis kritikal yang berterusan. Justeru, karya yang dihasilkan tidak hanya bergantung kepada pengalaman subjektif semata-mata, tetapi turut diperkukuhkan dengan kajian yang relevan. Ini ialah perkembangan karya yang telah dipecah kepada beberapa bahagian supaya dapat dilihat dengan lebih jelas dan berperingkat.





5.1.1 Kajian Awal

Kajian awal bermula dengan meneliti filem, video, teater, dokumentari dan seni instalasi. Kemudian 4 buah idea dipilih bagi mewujudkan sebuah projek simulasi sinografi. Kajian awal dilakukan dengan menggunakan Teori Kosmologi.

Dalam kajian ini, pengkaji menerapkan Teori Kosmologi sebagai asas konseptual dengan menekankan empat elemen utama alam semesta, iaitu air (*Samudra*), angin (*Vayu*), tanah (*Bhumi*), dan api (*Agni*). Keempat-empat elemen ini bukan sahaja memainkan peranan penting dalam keseimbangan alam, tetapi juga menjadi sumber inspirasi dalam penghasilan karya seni yang bersifat sinografi. Berdasarkan elemen-elemen ini, pengkaji telah menghasilkan empat buah karya seni yang masing-masing mengangkat satu elemen sebagai tema utama, iaitu:

- a) *Agni* – Elemen Api, yang melambangkan tenaga, transformasi, dan kekuatan.

Dalam projek ini, elemen api diterjemahkan melalui penggunaan kesan khas visual dan audio yang menggambarkan bara api dan lava. Penggunaan pencahayaan berwarna merah-oren dan asap sintetik membantu mewujudkan suasana dramatik yang menekankan unsur kehangatan dan perubahan, dua sifat utama api dalam kosmologi klasik. Tambahan pula, pencipta turut menyertakan unsur bunyi seperti dentuman atau desiran api bagi menambah kesan realisme dan psikologi dalam persembahan.



Menurut kajian Spence, persepsi manusia terhadap suhu boleh dipengaruhi oleh bunyi, kerana otak manusia cenderung mengaitkan maklumat pendengaran dengan pengalaman suhu melalui laluan deria yang dikenali sebagai *multisensory integration* (Spence, 2011). Oleh itu, bunyi api bukan sahaja berfungsi sebagai latar bunyi, tetapi juga sebagai unsur dramaturgi yang menyokong ilusi panas secara psiko fizik.

b) *Bhumi – Elemen Tanah, yang mewakili kestabilan, ketahanan, dan kedamaian.*

Elemen tanah dalam karya ini divisualisasikan melalui penggunaan cermin dua hala, yang menghasilkan ilusi optik tentang keteguhan dan kedalaman.

Refleksi yang tidak berkesudahan daripada cermin itu melambangkan keterhubungan manusia dengan alam dan unsur bumi, sekali gus menyampaikan simbol kestabilan dan kewujudan. Dalam konteks sinografi, cermin tersebut menggantikan elemen tanah secara metafora, memperlihatkan bagaimana manusia boleh menjadi sebahagian daripada tanah secara simbolik.

Menurut Aristotle dalam *Generation of Animals*, proses penuaan dikaitkan dengan elemen tanah kerana tubuh manusia menjadi lebih sejuk dan kering apabila usia meningkat. Hal ini dikaitkan dengan penurunan tenaga dalaman dan kelembapan tubuh yang merupakan ciri utama tanah sebagai unsur asas (Föllinger, 2022). Maka, penggunaan cermin ini menyiratkan refleksi terhadap ketuaan, kematian, dan kepulangan kepada alam semula jadi.

- c) *Vayu – Elemen Angin, yang mencerminkan kebebasan, pergerakan, dan komunikasi.*

Dalam eksperimen simulasi ini, elemen angin dihasilkan menggunakan kipas 12V yang dikawal secara manual atau automatik untuk mencipta kesan pusaran seperti puting beliung. Kesan pergerakan udara ini bukan sahaja membentuk suasana yang dinamik dan mendalam, malah turut menambah elemen kejutan serta pergerakan aktif dalam ruang pentas. Angin memberi kesan langsung terhadap interaksi antara tubuh pelakon, ruang dan penonton.

Dalam perubatan Yunani lama, Galen menyatakan bahawa darah dikaitkan dengan unsur udara (angin), kerana ia bersifat panas dan lembap. Ini mencerminkan hubungan antara peredaran angin dengan tenaga kehidupan dalam tubuh manusia serta hubungannya dengan keseimbangan kesihatan tubuh secara keseluruhan (Nutton, 2012). Oleh itu, elemen Vayu dalam karya ini juga memberi lapisan makna yang berkaitan dengan pernafasan, kehidupan dan tenaga batin.

- d) *Samudra – Elemen Air, yang menggambarkan kesuburan, kelembutan, dan ketenangan.*

Unsur air dimanifestasikan melalui sistem simulasi air yang menurunkan aliran air di pentas dengan disinari lampu khas, mencipta ilusi hujan atau aliran sungai secara visual. Elemen ini bukan sahaja memberi kesan



sinematik, tetapi juga menyampaikan ketenangan, kesucian, serta pembaharuan simbolik.

Menurut McKinney dan Palmer pencahayaan dan pergerakan air boleh mempengaruhi mood penonton melalui irama visual yang beralun (McKinney & Palmer, 2017). Sementara itu, Anālayo menekankan bahawa sifat asal air ialah untuk membasahkan dan menyejukkan, dan ia merupakan akar kepada semua benda hidup (Anālayo, 2021). Ini menjadikan elemen Samudra sebagai simbol kehidupan, kesuburan dan kesinambungan dalam naratif persembahan.

Setiap karya seni ini direka bentuk untuk mencipta pengalaman sinografi yang unik dengan memanfaatkan kesan khas visual dan efek persekitaran yang sesuai dengan sifat semula jadi setiap elemen. Sebagai contoh, dalam karya *Agni*, pengkaji menggunakan teknik pencahayaan dan kesan asap untuk menonjolkan karakteristik elemen tersebut. Begitu juga dalam karya *Samudra*, efek khas air seperti pantulan cahaya dan gelombang digunakan untuk mencerminkan pergerakan dan dinamik unsur air.

Selain itu, penggunaan teknologi moden seperti LED 12V, sistem pencahayaan interaktif, sistem angin, dan teknik pantulan cermin turut diterapkan bagi menghasilkan kesan khas air, api, angin, dan tanah secara realistik dalam ruang pementasan atau pemasangan seni (*installation art*). Pendekatan ini sejajar dengan prinsip sinografi, iaitu seni menghasilkan persekitaran visual yang bukan sahaja berfungsi sebagai latar tetapi turut memainkan peranan dalam menyampaikan makna dan emosi kepada penonton (McKinney & Butterworth, 2009).





Oleh itu, kajian ini bukan sahaja mengangkat Teori Kosmologi dalam konteks seni tetapi juga memperkayakan pengalaman visual dan persepsi ruang melalui penggunaan teknologi dan elemen alam semula jadi. Dengan menggabungkan aspek falsafah, sains, dan seni, karya-karya ini berfungsi sebagai manifestasi simbolik kepada hubungan manusia dengan unsur-unsur semesta serta kesan interaksi mereka dalam ruang dan waktu.

5.1.2 Perkembangan Idea

Perkembangan idea merupakan proses dinamik yang berlaku sepanjang penciptaan sesuatu karya seni, di mana idea awal yang bersifat abstrak atau konseptual berkembang menjadi suatu bentuk yang lebih konkrit dan dapat direalisasikan. perkembangan idea dalam penciptaan sesuatu karya melalui empat tahap utama, iaitu persiapan (*preparation*), pengeraman (*incubation*), iluminasi (*illumination*), dan verifikasi (*verification*) (Wallas, 1926). Dalam konteks seni, perkembangan idea sering kali dipengaruhi oleh faktor seperti pengalaman peribadi, latar belakang budaya, teori yang digunakan, serta kemajuan teknologi yang tersedia.

Secara keseluruhannya, perkembangan idea bukanlah satu proses linear tetapi lebih kepada suatu kitaran yang boleh berlaku berulang kali sehingga pencipta berpuas hati dengan hasil akhir. Keupayaan untuk mengadaptasi, menilai semula, dan memperbaiki idea merupakan elemen penting dalam memastikan sesuatu karya dapat mencapai tahap estetika dan fungsi yang diinginkan. Dalam konteks *Practice-Based Research* (PBR), perkembangan idea juga melibatkan penerokaan berasaskan amalan (*practice-led inquiry*), di mana eksperimen dan refleksi memainkan peranan penting





dalam membentuk sesuatu konsep yang inovatif dan bermakna (Candy & Edmonds, 2018)

Perkembangan idea dalam sistem *Bhumi* (Tanah) mengalami perubahan dan evolusi yang signifikan berdasarkan pertimbangan teori serta pendekatan artistik yang diambil oleh pengkaji. Pada peringkat awal, konsep yang dirancang melibatkan penggunaan sebuah sumber cahaya, iaitu lampu profil, sebagai elemen utama pencahayaan. Sumber cahaya ini diposisikan sedemikian rupa agar ia dapat dipantulkan oleh cermin yang diletakkan secara strategik. Pantulan ini seterusnya akan disalurkan ke beberapa buah cermin lain dengan tujuan untuk menghasilkan pencahayaan yang lebih menyeluruh dan terang di dalam kawasan simulasi. Pendekatan ini diambil kerana secara teorinya, pantulan cahaya daripada cermin boleh mewujudkan kesan pencahayaan yang unik dan memberikan ilusi ruang yang lebih besar.



Namun, setelah melalui proses analisis dan refleksi terhadap teori yang digunakan dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa elemen tanah dalam konteks *Bhumi* tidak sepenuhnya tergambar dalam simulasi awal yang dibangunkan. Berdasarkan teori kosmologi, unsur tanah bukan hanya sekadar objek statik dalam alam semesta, tetapi ia juga berkait rapat dengan kehidupan manusia serta keterhubungan antara alam dan kewujudan fizikal. Dalam simulasi awal, elemen tanah yang ingin diketengahkan masih belum cukup menyerlah dan tidak memberikan representasi yang mendalam tentang konsep yang cuba disampaikan.

Oleh yang demikian, pengkaji melakukan perubahan terhadap pendekatan awal dan mengambil keputusan untuk mengangkat manusia sebagai unsur tanah dalam simulasi ini. Perubahan ini tidak hanya bersifat teknikal, tetapi juga konseptual, di mana




manusia sendiri menjadi sebahagian daripada elemen yang membentuk simulasi *Bhumi*. Dalam usaha merealisasikan konsep ini, pengkaji memilih untuk menggunakan cermin dua hala dan membentuk struktur segi empat kotak sebagai ruang utama bagi simulasi. Struktur ini bertujuan untuk mencipta kesan pemantulan yang lebih mendalam, di mana manusia yang berada di dalamnya dapat melihat pantulan diri mereka dari pelbagai sudut. Hal ini secara simbolik menggambarkan hubungan intrinsik manusia dengan unsur tanah, di mana tanah bukan hanya sebagai elemen alam sekitar tetapi juga sebagai refleksi kewujudan manusia itu sendiri.

Selain itu, perubahan juga dilakukan pada aspek pencahayaan. Daripada hanya bergantung kepada pantulan cahaya yang berulang kali di antara cermin, kini lampu dipasang secara langsung dalam struktur kotak tersebut. Dengan cara ini, pelakon yang berada dalam ruang tersebut akan disinari oleh cahaya dari pelbagai arah, mewujudkan ilusi keterhubungan manusia dengan tanah dalam dimensi yang lebih simbolik. Struktur ini juga membolehkan pelakon bergerak dengan bebas di dalam kotak, di mana setiap pergerakan mereka akan berinteraksi dengan pencahayaan dan pantulan cermin, menghasilkan pengalaman visual yang lebih dinamik dan imersif.


Rajah 5.1

Idea asal sistem Bhumi (tanah)



Rajah 5.2

Penciptaan baru bagi sistem Bhumi (tanah)



Perkembangan idea dalam sistem *Samudra* (air) berlaku seiring dengan proses pengkajian dan pembangunan projek. Pada peringkat awal, unit HC-SR04 *Ultrasonic* Sensor dipasang menghadap ke bahagian dalam *mockup* untuk mengesan halangan dalam simulasi pergerakan air. Konsep asal ini bertujuan untuk memastikan sensor dapat berfungsi dengan optimis dalam mengukur jarak dan mendeteksi objek yang berada dalam ruang simulasi. Namun, setelah pemasangan keseluruhan sistem diselesaikan, beberapa cabaran teknikal telah dikenal pasti yang menjejaskan keberkesanan sensor dalam persekitaran berair.

Salah satu masalah utama yang dihadapi ialah ketahanan unit HC-SR04 *Ultrasonic* Sensor terhadap air. Sensor ini tidak direka khas untuk beroperasi dalam keadaan lembap atau basah, menyebabkan gangguan dalam bacaan data dan kemungkinan kerosakan akibat kelembapan atau rendaman dalam air. Selain itu, sensor ini bergantung kepada gelombang ultrasonik yang mungkin terhalang oleh percikan air atau perubahan tekanan dalam simulasi, yang menyebabkan ketidaktepatan dalam pengukuran jarak.



Bagi mengatasi masalah ini, pengkaji membuat penyesuaian dalam reka bentuk sistem dengan menukar kedudukan sensor. Unit HC-SR04 *Ultrasonic* Sensor kemudiannya dialihkan ke bahagian luar *mockup* supaya ia tidak terdedah secara langsung kepada air. Dengan perubahan ini, sensor dapat berfungsi dengan lebih baik kerana ia beroperasi dalam persekitaran yang lebih stabil dan kering. Selain itu, pemasangan sensor di bahagian luar juga membantu dalam memastikan kecekapan sistem kawalan air, di mana sensor masih dapat mengesan pergerakan objek atau perubahan jarak tanpa mengalami gangguan yang disebabkan oleh air.

Selain daripada perubahan kedudukan sensor, pengkaji turut meneliti alternatif lain seperti penggunaan sensor kedap air (*waterproof ultrasonic sensors*) yang lebih sesuai untuk aplikasi yang melibatkan cecair. Namun, pendekatan ini memerlukan kajian lanjut daripada segi kos, ketersediaan komponen, dan integrasi dengan sistem elektronik sedia ada. Oleh itu, keputusan untuk mengubah kedudukan HC-SR04 *Ultrasonic* Sensor ke bahagian luar *mockup* merupakan langkah paling praktikal pada tahap ini bagi memastikan sistem *Samudra* dapat berfungsi dengan baik tanpa mengalami masalah teknikal yang serius.

Secara keseluruhannya, perkembangan idea dalam sistem *Samudra* menunjukkan bahawa penyesuaian reka bentuk ialah aspek penting dalam pengkajian berasaskan amalan PBR. Perubahan yang dilakukan bukan sahaja meningkatkan kecekapan sensor dalam sistem simulasi tetapi juga mencerminkan keupayaan projek untuk berkembang seiring dengan cabaran yang dihadapi dalam proses pembangunan. Oleh itu, kajian ini menekankan kepentingan fleksibiliti dalam reka bentuk dan pemilihan teknologi yang sesuai bagi memastikan kejayaan pelaksanaan sistem secara keseluruhan (Harper & Kroll, 2007).





5.1.3 Rakaman Simulasi

Dalam proses pembentukan karya seni, rakaman simulasi memainkan peranan penting dalam mendokumentasikan, menganalisis, dan menilai perkembangan pementasan. Oleh itu, pengkaji memasukkan subtopik ini kerana berpendapat bahawa penciptaan sesebuah karya tidak hanya terbatas kepada peringkat idea dan pelaksanaan, tetapi juga merangkumi proses rakaman dan pementasan. Dokumentasi melalui rakaman membolehkan pengkaji menilai keberkesanan elemen yang diterapkan dalam karya, termasuk aspek visual, pergerakan, pencahayaan, dan kesan khas yang digunakan dalam simulasi. Dengan adanya rakaman, pengkaji dapat membuat perbandingan antara idea asal dengan hasil akhir yang dipersembahkan, serta mengenal pasti bahagian yang memerlukan penambahbaikan.



Dari sudut kajian berasaskan amalan *Practice-Based Research* (PBR), rakaman simulasi berfungsi sebagai bahan rujukan yang boleh dianalisis secara mendalam untuk menilai sejauh mana karya berjaya dalam menyampaikan konsep yang diinginkan (Candy & Edmonds, 2018). Dalam konteks ini, rakaman bukan hanya digunakan untuk pemantauan dalaman, tetapi juga sebagai medium perkongsian ilmu dalam kalangan pengkaji, pengkaji, dan audiens yang lebih luas. Ia boleh dijadikan bahan kajian untuk memahami bagaimana unsur-unsur seperti cahaya, pergerakan, dan ruang dapat mempengaruhi.





5.2 Struktur Karya

